

BAB 2

TAKAFUL MIKRO MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

2.1 Pendahuluan

Perlindungan kewangan dan kesihatan adalah amat mustahak bagi golongan B40 yang secara umumnya mempunyai jumlah simpanan yang sedikit ataupun tidak mempunyai sebarang simpanan sama sekali (M. H. S. B. Abdullah et al., 2019; Zal, 2020). Ini dikuatkan lagi dengan pandangan M. H. S. B. Abdullah et al. (2019) bahawa seseorang memerlukan lebih daripada simpanan yang biasa untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan, kematian, dan kehilangan harta benda yang melibatkan kos yang lebih tinggi.

Populasi berpendapatan rendah juga berhadapan dengan persekitaran kehidupan dan pekerjaan yang lebih berisiko berbanding selainnya (Churchill, 2006). Haslifah (2014) turut menyatakan bahawa kebanyakan golongan miskin menguruskan risiko yang dihadapi dengan cara menjual aset, melakukan bayaran secara langsung (*out-of-pocket payments*) atau meminjam. Cara tersebut dikhuatiri akan meningkatkan lagi ketidakmampuan mereka dari sudut kewangan dalam menghadapi risiko kerugian pada masa akan datang.

Penyertaan kumpulan B40 dalam skim takaful mikro merupakan sebuah strategi yang berkesan untuk membantu mereka menghadapi risiko-risiko kerugian di atas. Dengan menyertai skim takaful mikro, golongan B40 akan menyumbang secara tunai ke dalam sebuah tabung risiko yang dikendalikan oleh pengendali takaful. Jumlah terkumpul melalui sumbangan tersebut akan disalurkan kepada para peserta takaful mikro yang ditimpa musibah (Hasim, 2014a). Hasilnya, bantuan kewangan yang diperolehi melalui skim ini dapat memberikan kelegaan kewangan kepada peserta

takaful mikro dan mengelakkan mereka terjerumus ke dalam kancah kemiskinan yang lebih buruk.

Tujuan penawaran takaful mikro kepada golongan miskin ini dilihat selari dengan penilaian Maqasid al-Syariah yang mempunyai objektif untuk menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan manusia. Secara umumnya, kemiskinan dapat memberikan kesan buruk terhadap seluruh aspek tersebut kepada individu dan masyarakat (Al-Qaraḍāwī, 1985). Sehubungan itu, Islam memandang serius terhadap krisis kemiskinan dan mendatangkan penyelesaian yang praktikal bagi membasminya sama ada melalui inisiatif individu, masyarakat dan pihak pemerintah.

Kajian bab ini akan menerangkan konsep takaful mikro melalui perbincangan definisi, prinsip, ciri-ciri dan latar belakang penawarannya dalam industri takaful, khususnya di Malaysia. Kajian ini juga akan membahaskan aspek syariah yang terkandung dalam penawaran takaful mikro serta pengaplikasiannya menurut tatacara perniagaan takaful. Ia dikemukakan bagi memahami konsep takaful mikro dan gambaran pelaksanaannya pada hari ini secara holistik. Ia turut mampu menjelaskan potensi serta cabaran pengoperasiannya. Hasil perbincangan dalam bab ini akan cuba menyediakan asas kefahaman yang jelas mengenai takaful mikro serta mekanisme pelaksanaannya dalam konteks semasa.

2.2 Konsep dan Latar Belakang Takaful Mikro

2.2.1 Definisi Takaful Mikro

Takaful mikro merupakan produk takaful; iaitu sebuah skim perlindungan, di mana kesemua peserta takaful bersetuju untuk memberikan sumbangan kewangan kepada mana-mana ahli yang ditimpa musibah atau kerugian sepertimana yang telah diperincikan dalam polisi takaful (Swartz & Coetzer, 2010). Persetujuan tersebut adalah

sah di sisi undang-undang dan ia mengikat kesemua pihak yang terlibat dalam pelan takaful tersebut.

Takaful melalui pentakrifan bahasa bermaksud liabiliti bersama. Ia berasal daripada kata kerja “*kafala*” dalam Bahasa Arab yang bermaksud “menjamin” (Hassan, 2020). Perkataan mikro pula bermaksud “sangat kecil”. Ia juga digunakan untuk menandakan sesuatu perkara pada tahapan paling bawah (Cambridge Dictionary, t.th.). Gandingannya bersama frasa “takaful” menjelaskan golongan sasaran bagi produk ini iaitu masyarakat berpendapatan rendah dan miskin (Kassim, 2013). Churchill (2006) pula menerangkan bahawa sesebuah golongan masyarakat itu dianggap sebagai “mikro” jika mereka diketepikan daripada mendapatkan akses skim perlindungan arus perdana (*mainstream*) dan manfaat perlindungan sosial, khususnya bagi pekerja dalam sektor pekerjaan yang tidak formal⁶.

Dalam konteks penawarannya di Malaysia, takaful mikro merupakan sebuah produk takaful yang direka bentuk bagi menyantuni keperluan perlindungan kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah (BNM, 2016). Perlindungan kewangan dalam pentakrifan di atas bermaksud ia mampu diakses dalam tempoh masa yang diperlukan serta mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk dua tujuan iaitu: 1) memenuhi perbelanjaan utama; atau 2) menyediakan kemudahan kewangan secara kekal atau sementara bagi mengurangkan beban kewangan yang disebabkan oleh pelbagai jenis kemalangan yang tidak diduga. Golongan isi rumah berpendapatan rendah pula merujuk kepada golongan miskin dan mudah terjejas, ataupun kumpulan

⁶ Sektor pekerjaan tidak formal adalah berlawanan dengan ciri-ciri sektor pekerjaan formal seperti mempunyai pekerjaan yang berdaftar, bekerja sepenuh masa dan menerima gaji bulanan. Menurut pemahaman tersebut, pekerjaan tidak formal merangkumi skop yang sangat luas, namun terkecuali daripada pekerjaan yang menyalahi undang-undang dan norma sosial setempat. Persamaan yang terdapat bagi pekerja dalam sektor ini di Malaysia ialah mereka tidak mempunyai sebarang perlindungan sosial yang formal seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (Z. Omar, 2022).

terbawah daripada golongan isi rumah berpendapatan sederhana (M40). Persamaan kedua-dua kategori ini adalah mereka merupakan golongan yang diketepikan daripada mendapatkan akses perkhidmatan takaful sebelum ini (BNM, 2016).

Jadual 2.1: 10 Kategori Pembahagian Kumpulan B40, M40 dan T20 Mengikut Julat Pendapatan Isi Rumah

Kumpulan	Kategori	Julat Pendapatan Isi Rumah
B40	B1	RM2,499 dan kurang
	B2	RM2,500 – RM3,169
	B3	RM3,170 – RM3,969
	B4	RM3,970 – RM4,849
M40	M1	RM4,850 – RM5,879
	M2	RM5,880 – RM7,099
	M3	RM7,100 – RM8,699
	M4	RM8,700 – RM10,959
T20	T1	RM10,960 – RM15,039
	T2	RM15,040 dan lebih

Sumber: (DOSM, 2022)

Melalui pentakrifan tersebut, dapat difahami bahawa penawaran takaful mikro bertujuan untuk membuka peluang kepada golongan masyarakat berpendapatan rendah, khususnya B40 bagi mendapatkan perkhidmatan takaful pada harga yang mampu milik. Hal ini ditunjukkan melalui reka bentuk dan ciri-ciri takaful mikro yang disesuaikan dengan keperluan dan kemampuan golongan tersebut.

2.2.2 Ciri-ciri Produk Takaful Mikro

Penawaran takaful mikro turut mempunyai ciri-ciri khusus yang membentuk identitinya tersendiri seperti patuh syariah, menyasarkan golongan miskin dan mengutamakan model *ta'āwunīy* (tolong-menolong) (Brugnoni, 2013; Hasim, 2014a; Patel, 2004). Elemen patuh syariah mestilah sentiasa konsisten dalam penawaran takaful mikro dengan memastikan kesemua aktiviti pelaburan sumbangan dan saluran

penghantaran produk (*delivery channel*) menepati keperluan-keperluan syariah. Aspek ini juga merupakan perbezaan utama antara produk takaful mikro dan insurans mikro⁷.

Selanjutnya, produk takaful mikro yang menjadikan golongan miskin sebagai sasaran pasaran utamanya perlulah direka bentuk dengan nilai bayaran sumbangan yang rendah dan mampu milik. Ia juga haruslah ringkas (*simple*), mudah untuk difahami dan menawarkan perlindungan yang memenuhi keperluan serta keutamaan hidup golongan sasaran. Sebagai contoh, Hasim (2014a) mencadangkan pembangunan sebuah model takaful mikro hayat bagi masyarakat berpendapatan rendah kerana kehilangan pencari nafkah merupakan salah satu kebimbangan terbesar golongan tersebut.

Pembangunan dan penawaran produk takaful mikro juga haruslah diasaskan atas model *ta'āwunīy* dan bukan bersifat *tijārīy* (perniagaan) yang mengutamakan perolehan keuntungan secara maksimum (Brugnoni, 2013; Hasim, 2014a). Ia perlulah ditawarkan dengan konsep keuntungan dan manfaat yang kecil, tetapi mempunyai jumlah penyertaan pada skala yang besar. Melalui prinsip *ta'āwun* juga, operasi takaful mikro perlulah menerima suntikan dana daripada pihak kerajaan, NGO, syarikat takaful melalui dana tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*, CSR), MAIN melalui dana zakat dan wakaf serta pelbagai pihak lain yang mempunyai potensi kerjasama strategik untuk meningkatkan penawarannya kepada masyarakat berpendapatan rendah. Strategi saluran penghantaran produk takaful mikro juga hendaklah digiatkan dengan jalinan kerjasama antara agensi kewangan Islam, masjid, hospital, klinik dan sebagainya.

Pada 18 April 2016, BNM telah menerbitkan sebuah kertas perbincangan yang mengemukakan garis panduan kepada syarikat-syarikat takaful bagi membangunkan

⁷ Kontrak insurans mikro yang didasari kontrak jual beli atau *mu'āwadaṭ* adalah diharamkan dalam Islam kerana ia mempunyai elemen riba, ketidakjelasan (*gharār*) dan perjudian (*maysir*) (Hasim, 2014b; S. Salleh, 2013; Yusof et al., 2011; Zulkifli et al., 2012).

produk takaful mikro (BNM, 2016). Ia merupakan sebuah langkah awal dalam usaha BNM untuk menggalakkan penawaran takaful mikro di peringkat industri sebelum sebuah rangka kerja kawal selia takaful mikro dikeluarkan. Terdapat empat prinsip dan ciri-ciri khusus yang dikemukakan dengan terperinci dalam kertas cadangan tersebut seperti yang tertera:

Jadual 2.2: Prinsip Penawaran Produk Takaful Mikro

Bil.	Prinsip	Perincian
1.	Ringkas	<ul style="list-style-type: none"> • Penawaran dan perkhidmatan produk dilaksanakan dengan cara yang mudah difahami oleh kumpulan sasaran. • Ciri-ciri produk adalah jelas dengan sendirinya dan hanya memerlukan penerangan yang minimum melalui pihak perantara. • Manfaat, terma dan syarat produk mestilah jelas dan mudah (<i>straightforward</i>) dengan pengecualian dan sekatan yang minimum. • Kesemua pendedahan, bahan pemasaran dan bahasa yang digunakan perlulah bertepatan dengan tahap literasi kewangan kumpulan sasaran.
2.	Perlindungan berpandukan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar sumbangan takaful diperuntukkan secara maksimum untuk perlindungan kewangan. • Perlindungan yang ditawarkan adalah relevan dan bermakna, di mana ia tidak sepatutnya melindungi risiko yang tidak diperlukan oleh kumpulan sasaran.
3.	Mudah diperolehi	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai sumbangan takaful adalah berpatutan bagi kumpulan sasaran. • Saluran pengagihan produk boleh dicapai dan dihubungi dengan mudah oleh kumpulan sasaran. • Ciri-ciri dan proses produk mestilah sesuai dengan keadaan kumpulan sasaran. • Kesemua proses yang terlibat termasuklah bayaran sumbangan takaful, pembaharuan sijil takaful, tuntutan dan pertanyaan dapat dilaksanakan dengan mudah oleh peserta takaful.
4.	Efisien	<ul style="list-style-type: none"> • Kesemua proses hendaklah dibuat dengan tatacara memudahkan dan tepat pada masanya, lebih-lebih lagi dalam meminimumkan tempoh urusan bayaran tuntutan. • Urusan pentadbiran dipermudah, diperkemas dan dijalankan secara automatik sebanyak mungkin.

Sumber: (BNM, 2016)

Jadual 2.3: Panduan Ciri-Ciri Penawaran Produk Takaful Mikro

Bil.	Ciri-ciri	Perincian
1.	Produk	<ul style="list-style-type: none"> • Melindungi sebanyak-banyaknya tiga risiko kemalangan, di mana setiap satu daripadanya adalah berbeza dan diterangkan dengan jelas. • Berdasarkan kerugian pertama (<i>first-loss</i>) atau manfaat tetap. • Proses pengunderaitan yang ringkas. • Tiada pengecualian. • Tempoh pembatalan (<i>free-look period</i>) selama 15 hari dan tempoh tangguh (<i>grace period</i>) selama 30 hari bagi kedua-dua jenis takaful am dan keluarga. • Tempoh menunggu (<i>waiting period</i>) maksimum selama 6 bulan bagi kematian semula jadi, kecacatan dan rawatan perubatan dan kesihatan. • Tiada tempoh menunggu bagi produk kemalangan peribadi. • Hanya satu tempoh menunggu ditetapkan bagi semua perlindungan risiko dalam sebuah produk.
2.	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran sijil takaful secara semerta di lokasi penyertaan. • Penggunaan saluran pembayaran elektronik seperti debit langsung (<i>direct debit</i>) dan wang mudah alih (<i>mobile money</i>) bagi pembayaran sumbangan takaful dan tuntutan. • Pusat panggilan atau talian khusus takaful mikro bagi peserta.
3.	Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran tuntutan dilakukan tidak melebihi 7 hari bekerja selepas penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap. • Bayaran separa atau interim secara serta merta bagi memenuhi keperluan mendesak sementara menunggu pengesahan tuntutan.
4.	Pengurusan risiko	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem teknologi maklumat (<i>information technology, IT</i>) dan data yang cekap serta boleh dipercayai bagi mengesan transaksi.

Sumber: (BNM, 2016)

Melalui perincian prinsip dan ciri-ciri tersebut, BNM (2016) turut menegaskan bahawa produk takaful mikro mestilah benar-benar ditawarkan mengikut keperluan kumpulan sasaran dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah dan bukan hanya mengecilkan saiz produk takaful yang sedia ada di pasaran. Bagi mengurangkan kos pula, produk takaful mikro perlulah disalurkan melalui saluran pengagihan yang

berpusatkan komuniti serta memanfaatkan kemudahan teknologi dalam seluruh proses yang terlibat.

2.2.3 Perkembangan Penawaran Takaful Mikro di Malaysia

Patel (2004) menyatakan bahawa skim takaful mikro pertama telah dibangunkan di Lubnan pada tahun 1997 menerusi Dana Amanah Pertanian Lubnan (Agricultural Mutual Fund of Lebanon) yang menawarkan perlindungan kesihatan serta biasiswa pelajar sekolah bagi keluarga miskin. Skim tersebut direka bentuk bagi menanggung baki kos rawatan kesihatan yang tidak dibiayai oleh Tabung Keselamatan Sosial Kerajaan (Government Social Security Fund) yang hanya membiayai 85% kos rawatan. Setiap keluarga perlu membayar nilai sumbangan takaful mikro berjumlah USD10 sebulan. Peserta yang tidak berkemampuan untuk membayar nilai sumbangan akan dibantu oleh penduduk tempatan atau pemegang polisi yang lain. Skim perlindungan takaful mikro tersebut telah melindungi lebih daripada 5,000 keluarga yang merangkumi 23,000 penerima manfaat.

Di Malaysia, Takaful Ikhlas telah melancarkan sebuah skim takaful mikro pada tahun 2007 dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Petani Malaysia yang merupakan sebuah NGO bagi menyantuni golongan petani miskin (Brugnoni, 2013). Terdapat dua pelan takaful mikro yang ditawarkan melalui skim ini. Pelan pertama menawarkan tuntutan kematian segera berjumlah RM500 dengan bayaran sumbangan serendah RM1.80 sebulan bagi 100,000 peserta. Pelan ini merupakan pelan wajib bagi golongan petani yang layak dan ia dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Pelan kedua merupakan pelan pilihan yang menawarkan tuntutan berjumlah RM10,000 bagi peserta yang ditimpa kemalangan dan kecacatan kekal (Brugnoni, 2013).

Takaful Ikhlas turut bekerjasama dengan Pusat Zakat Selangor (PZS) dan agensi-agensinya di bawahnya untuk membangunkan sebuah tabung takaful yang mengumpulkan sebahagian dana zakat. Dengan itu, para pemegang polisi takaful mikro dalam kalangan asnaf akan mendapatkan manfaat pampasan kematian, kecacatan, kos rawatan penyakit kritikal, kos pengebumian dan hospitalisasi (Brugnoni, 2013). Selain itu, kajian Mokhtar et al. (2012) turut menggambarkan bahawa pelaksanaan produk yang berkonsepkan takaful mikro di Malaysia sudah pun ditawarkan sebelum tahun 2007 seperti Skim Khairat Kematian YaPEIM. Walaupun begitu, ia tidak diperkenalkan sebagai produk takaful mikro pada waktu tersebut dan tawaran manfaatnya terhad kepada pampasan kematian sahaja.

Pada tahun 2009, Skim Tabarru' Koperasi telah dilancarkan hasil kerjasama antara Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) dan Takaful Etiqa bagi memberikan perlindungan berupa manfaat kematian maksimum berjumlah RM19,000 dengan bayaran sumbangan sebanyak RM5-RM25 setahun kepada ahli-ahli koperasi tersebut (Htay et al., 2015). Berikutan Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme*, ETP) yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2011 pula, sebuah skim insurans/takaful mikro yang dikenali sebagai Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (*1Malaysia Micro Protection Plan*, 1MMPP) telah diusahakan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) (Htay et al., 2015).

1MMPP menawarkan empat jenis produk perlindungan iaitu; insurans hayat, insurans am, takaful keluarga dan takaful am, di mana kesemuanya mempunyai persamaan ciri-ciri produk, jenis perlindungan, terma, syarat dan jumlah premium/sumbangan takaful yang bermula kurang daripada RM20 sebulan (Bernama, 2011). Kumpulan sasaran bagi pelan ini merupakan usahawan kecil dan individu yang

berhasrat untuk mendapatkan perlindungan kewangan dalam menghadapi risiko kematian, penyakit, kemalangan, kebakaran dan kehilangan hartanah.

Pada masa yang sama, cadangan kerajaan melalui Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020 yang menitikberatkan pencapaian objektif rangkuman kewangan sebagai salah satu komponen sektor kewangan terbaik bagi ekonomi Malaysia telah memberi penekanan terhadap pembangunan produk insurans mikro dan takaful mikro kepada masyarakat yang terpinggir (BNM, 2011). Cadangan tersebut disusuli dengan pelancaran produk Perlindungan Tenang oleh Bank Negara Malaysia pada 24 November 2017 (N. I. Abdullah, 2021; Ishak, 2020; Mohd Fikri et al., 2022). Ia merupakan sebuah skim insurans mikro dan takaful mikro yang mengetengahkan ciri-ciri produk insurans/takaful mampu milik, ringkas, mudah disertai dan mempunyai proses tuntutan yang mudah, bersesuaian dengan golongan B40 (BNM, 2021).

Terdapat beberapa produk takaful mikro yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat takaful di bawah skim ini seperti Lindungi oleh PruBSN dan Agro Mabrur-*i* Plus oleh Agro Bank dengan kerjasama Takaful Ikhlas (N. I. Abdullah, 2021). Bermula pada tahun 2021, program Baucar Perlindungan Tenang atau PTV diperkenalkan dengan pemberian baucar bernilai RM50 kepada para penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)⁸ yang layak. Baucar tersebut akan digunakan oleh para penerima untuk menebus pelan insurans/takaful mikro yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat takaful yang berdaftar bagi mendapatkan manfaat perlindungan selama setahun (BNM, 2021).

Pada 24 Januari 2019 pula, pihak kerajaan telah melancarkan sebuah skim perlindungan kesihatan takaful percuma kepada rakyat miskin seluruh Malaysia yang

⁸ Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) merupakan individu dalam golongan berpendapatan rendah sama ada bujang dengan nilai pendapatan RM2,500 sebulan ataupun isi rumah dengan nilai pendapatan RM5,000 sebulan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM9.6 bilion yang memberi manfaat kepada 8.5 juta penerima bagi tahun 2021 (BR1M, 2021).

dikenali sebagai skim Perlindungan Masyarakat *mySalam* (Sanusi, 2021). Ia merupakan sebuah inisiatif perlindungan kesihatan percuma oleh kerajaan yang bertujuan untuk memberikan perlindungan kesihatan takaful berupa manfaat hospitalisasi dan bantuan kewangan sekali beri bagi peserta yang didiagnosis dengan penyakit kritikal (*mySalam*, t.th.). Penerima *mySalam* merupakan individu yang menerima bayaran bantuan khas kerajaan melalui program-program bantuan yang telah dijalankan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) (*mySalam*, t.th.).

Sebuah rangka kerja yang dinamakan sebagai Rangka Kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (*Value Based Intermediation for Takaful*, VBIT) telah dilancarkan oleh Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA) pada 23 Jun 2021, selaras dengan gagasan Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value Based Intermediation*, VBI) yang dibangunkan oleh BNM (Abdul Aziz, 2021; Abillah, 2018; BNM, 2018; MTA, 2021). VBIT mengetengahkan agenda-agenda industri takaful yang dirangka berteraskan nilai untuk diterapkan oleh semua pengendali takaful dalam perniagaan mereka (MTA, 2021). Pembangunan produk takaful mikro yang memenuhi keperluan khusus bagi golongan terabai (*unserved and underserved population*) merupakan antara agenda penting yang digariskan dalam pelan hala tuju VBIT 2022-2024 (MTA, 2022).

Skim takaful mikro terus berkembang dan mendapat perhatian daripada pelbagai pihak sejak tahun 2020. Ia ditawarkan bagi menyahut hasrat negara untuk mencapai lebih daripada 70% kadar penembusan insurans dan takaful di Malaysia berbanding hanya 41% pada 2022 (Azman, 2022). Kajian Rapi et al. (2022) juga melihat bahawa langkah tersebut adalah mustahak untuk menyediakan perlindungan kepada golongan B40, terutamanya setelah dunia dilanda pandemik COVID-19. Antara produk takaful

mikro yang tersedia di pasaran ialah BSN Takaful Sakinah, i-Lindung KWSP dan Pakej RAHMAH Takaful (Bernama, 2023; H. F. Mohamad, 2021; Nazaraly, 2022).

Sorotan penawaran takaful mikro di Malaysia menunjukkan bahawa walaupun ia telah diperkenalkan sejak lebih 10 tahun lalu di Malaysia, namun perkembangannya masih berada pada tahap yang perlahan (BNM, 2016). Pada hari ini, penawaran takaful mikro semakin mendapat tempat dalam kalangan pihak industri. Penerangan contoh produk takaful mikro yang ditawarkan pada hari ini akan dinyatakan pada subtopik 2.8 dengan lebih jelas dan terperinci.

2.3 Asas Syariah dalam Penawaran Takaful Mikro

Takaful mikro merupakan sebuah produk perlindungan insurans mikro berasaskan syariah (IFSB & IAIS, 2015). Subtopik ini akan menengahkan perbincangan berkenaan sandaran syariah terhadap penawaran takaful mikro dan hujah kebenaran perlaksanaannya menurut ilmu fiqh.

2.3.1 Nilai-Nilai Syariah

Ciri-ciri yang terdapat pada penawaran takaful mikro mempunyai padanan dengan nilai-nilai syariah. Misalnya, penyertaan golongan miskin dan B40 dalam skim perlindungan takaful mikro merupakan salah satu kaedah perkongsian risiko antara mereka melalui sumbangan wang tunai daripada setiap peserta (Gor, 2013). Ia jelas menzahirkan konsep saling bantu-membantu sesama manusia yang ditekankan oleh Islam menerusi al-Quran dan hadis (Waghlānt, 2010). Allah SWT berfirman:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan.” (Al-Quran. Al-Mā'idat 5:2)

Perintah untuk tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan meninggalkan kemungkaran dalam ayat di atas dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW:

وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

“Dan Allah SWT menolong hamba-Nya selagi mana seorang hamba itu menolong saudaranya.” (Hadis. Muslim no. 2699)

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى

“Perumpamaan orang beriman dalam hal saling mencintai, berkasih sayang dan lemah lembut antara mereka adalah seperti sebatang tubuh. Jika salah satu anggota tubuh terasa sakit, maka seluruh tubuhnya akan ikut terjaga (tidak boleh tidur) dan panas (turut merasakan sakitnya).” (Hadis. Muslim no. 2586)

Perumpamaan yang diketengahkan dalam hadis di atas menggambarkan sikap ambil berat dalam kalangan orang beriman ketika saudara seagamanya ditimpa kesakitan dan malapetaka (Al-Rājihīy, 2018). Nilai empati yang dipupuk dalam diri umat Islam sewajarnya melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap kesusahan manusia, lantas merelakan diri untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan.

Manfaat produk takaful mikro yang menawarkan perlindungan berupa pampasan kematian bagi mengurangkan beban ahli keluarga peserta juga dilihat selari dengan anjuran Islam. Sebagai contoh, kesemua skim takaful mikro melalui inisiatif PTV menawarkan manfaat kematian sama ada secara semula jadi ataupun disebabkan kemalangan (BNM, 2021). Allah SWT berfirman:

﴿وَلْيَحْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا﴾

“Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkara yang betul (menepati kebenaran).” (Al-Quran. Al-Nisā’ 4:9)

Al-Maḥallīy dan Al-Suyūṭīy (t.th.) mentafsirkan kalimah “*qawlan sadīdan*” sebagai anjuran kepada pencari nafkah untuk meninggalkan harta lebih dua per tiga kepada anak-anak (khususnya anak-anak yatim) yang berada dalam jagaannya sebelum dirinya meninggal dunia. Ia merupakan sebuah persediaan dalam menghadapi risiko kehilangan punca pendapatan buat anak-anak atau ahli keluarga yang ditinggalkan setelah kematian pencari nafkah. Ibn Kathīr (1998) menyertakan sepotong hadis daripada Sa‘ad ibn Abī Waqqāṣ RA ketika mentafsirkan ayat di atas:

إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ، خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّمُونَ النَّاسَ

“Sesungguhnya keadaan kamu meninggalkan waris kamu dalam kekayaan adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin, (lalu kerananya) mereka meminta-minta kepada manusia” (Hadis. Al-Bukhārīy no. 1295 dan Muslim no. 1628)

Selain itu, instrumen takaful mikro turut menyahut seruan syariah untuk mewujudkan maslahat dan menghindari kemudaratan (Onāgun, 2010). Melalui takaful mikro, para peserta dapat mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh mereka ketika mereka berhadapan dengan risiko kesihatan dan kewangan. Sehubungan itu, penyertaan masyarakat dalam skim perlindungan B40 adalah bertepatan dengan kaedah-kaedah fiqh yang menyebutkan:

الضَّرُّ يُزَالُ

“Segala kemudaratan hendaklah dihilangkan”

الضَّرُّ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ

“Kemudaratan perlulah dicegah dengan sehabis kemampuan”

Menurut dua kaedah fiqh di atas, Islam mewajibkan umatnya untuk mencegah faktor-faktor yang berkemungkinan mendatangkan kemudaratan serta berusaha semampunya untuk menghilangkan kerosakan yang telah berlaku (Al-Ghazzīy, 2003).

Takdir buruk yang menimpa seseorang sememangnya tidak boleh dielakkan. Namun,

perlindungan takaful mikro mampu untuk mengurangkan risiko kerugian serta kemudahan yang dihadapi oleh peserta yang ditimpa kemalangan.

Al-Qarahdāghīy (2012) juga berpandangan bahawa takaful mikro dapat memberikan ketenangan kepada para pesertanya apabila mereka mengetahui akan adanya pertolongan di saat mereka ditimpa sebarang musibah. Mereka juga tidak perlu bergantung hidup kepada masyarakat sekitar bagi menyediakan keperluan hidup mereka ketika berhadapan dengan malapetaka.

2.3.2 Perbandingan Takaful Mikro dengan Pelbagai Konsep Pemberian dalam Sejarah Islam

2.3.2.1 Konsep *Al-‘Awāqil*

‘Awāqil merupakan bentuk jamak bagi perkataan *‘āqilat*. *‘Āqilat* turut bersinonim dengan perkataan “asabah” dalam Bahasa Arab yang bermaksud saudara-mara kebapaan (*paternal relatives*) (Billah et al., 2019). Apabila seorang individu daripada sebuah kabilah didapati bersalah membunuh seseorang tanpa niat daripada kabilah yang lain, maka keluarga terdekat daripada susur galur sebelah bapa pembunuh perlu membayar pampasan (diat) kepada keluarga mangsa (Billah et al., 2019; S. Salleh, 2013). Perihal *‘āqilat* dinyatakan dalam hadis berikut:

اَقْتَتَلَتِ امْرَأَتَانِ مِنْ هُدَيْلٍ، فَرَمَتِ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى بِحَجَرٍ فَفَقَتَلَتْهَا وَمَا فِي بَطْنِهَا،
فَاخْتَصَمُوا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَضَى أَنَّ دِيَّةَ جَنِينِهَا عُرَّةٌ، عَبْدٌ أَوْ وَلِيدَةٌ،
وَقَضَى أَنَّ دِيَّةَ الْمَرْأَةِ عَلَى عَاقِلَتِهَا

“Dua wanita daripada kabilah Huzayl telah bertelingkah lalu salah seorang daripadanya melempar batu ke arah lawannya dan dia pun terbunuh bersama-sama dengan kandungan di dalam perutnya. Maka, keluarga mangsa telah mengadukan hal tersebut kepada Nabi SAW, lalu baginda memutuskan hukuman bahawa diat bagi kandungan wanita itu adalah seorang hamba lelaki atau perempuan. Manakala hukuman diat bagi wanita yang terbunuh haruslah dilunaskan oleh *‘āqilat*

(keluarga sebelah bapa) pembunuh itu.” (Hadis. Al-Bukhari no. 6910 dan Muslim no. 1681)

Sistem *‘āqilat* mempunyai persamaan dengan takaful mikro dari sudut penyertaan sekumpulan masyarakat dalam memberikan sumbangan bagi meringankan kesulitan individu yang menanggung beban. Perbezaan antara kedua-duanya pula ialah penyumbang bagi *‘āqilat* terdiri dalam kalangan ahli keluarga dan kaum kerabat, manakala penyumbang takaful mikro adalah terbuka kepada mana-mana individu yang ingin menyertai skim tersebut (R. Y. Al-Miṣrīy, 2001).

2.3.2.2 Konsep Fidyah

Fidyah menurut pemahaman bahasa ialah harta yang digunakan untuk menebus tawanan perang (Ibn Manzūr, 1993). Perbuatan seseorang menebus tawanan perang pula lebih dikenali sebagai *fidā’* dalam istilah fiqh (Wizārat al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyat – Al-Kuwayt, 2006). Peperangan dalam kalangan masyarakat Arab pra-Islam seringkali terjadi akibat daripada ketaasuban terhadap semangat kabilah yang melampau. Setelah sesebuah peperangan berakhir, tawanan perang akan dijadikan hamba kepada pihak yang menang. Di sini, *‘āqilat* bagi tawanan perang tersebut memikul tanggungjawab secara bersama untuk membayar wang tebusan kepada pihak musuh bagi membebaskan ahli keluarga mereka (S. Salleh, 2013).

Konsep fidyah ini turut digunakan oleh Rasulullah SAW dalam pemerintahan Islam sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Madinah yang menyatakan (Ibn Hisyām, 2010):

الْمُهَاجِرُونَ مِنْ قُرَيْشٍ عَلَى رِبْعَتِهِمْ يَتَعَاقَلُونَ بَيْنَهُمْ، وَهُمْ يَفْدُونَ عَائِنَهُمْ
بِالْمَعْرُوفِ وَالْقِسْطِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ...

“Golongan Muhajirin daripada Quraisy tetaplah berpandukan pegangan lama mereka (daripada adat dan sistem kehidupan termasuklah) dalam

mengumpulkan *'āqilat* sesama mereka (bagi membayar diat), dan mereka hendaklah menebus tawanan-perang (ahli keluarga) mereka atas nilai kebaikan (makruf) dan adil dalam kalangan orang beriman...”

Sistem fidyah ini turut menggunakan konsep *'āqilat* dalam mengumpulkan sumbangan bagi tujuan menebus tawanan perang dalam kalangan ahli keluarga. Ciri-ciri perkongsian tanggungjawab tersebut turut terserlah dalam penyertaan takaful mikro. Namun sumbangan fidyah dilunaskan setelah wujudnya keperluan untuk menebus semula tawanan perang. Adapun sumbangan takaful mikro merupakan suatu kelaziman yang ditetapkan kepada para peserta sebagai persediaan untuk menghadapi risiko kerugian pada masa akan datang.

2.3.2.3 Konsep *Al-Nahd*

Al-nahd bermaksud pertolongan sama ada dalam bentuk makanan dan minuman ataupun wang ringgit yang diberikan secara kolektif bagi memenuhi keperluan nafkah ahli keluarga yang memerlukan (Ibn Manzūr, 1993). Ia juga disebut sebagai *al-nihd* sebagaimana kata-kata 'Amr ibn 'Ubayd yang dinukilkan daripada al-Ḥasan al-Baṣrīy (Badr al-Dīn al-'Aynīy, 2010; Ibn Manzūr, 1993):

أَخْرَجُوا نَهْدَكُمْ فَإِنَّهُ أَعْظَمُ لِلْبِرَّةِ وَأَحْسَنُ لِأَخْلَاقِكُمْ وَأَطْيَبُ لِنُفُوسِكُمْ

“Berikanlah pertolongan kamu. Sesungguhnya ia mendatangkan keberkatan yang lebih besar dan lebih elok untuk akhlakmu serta lebih baik bagi jiwamu.”

Amalan *al-nahd* dipraktikkan oleh masyarakat Arab serta diperakukan oleh Rasulullah SAW seperti yang dinyatakan dalam beberapa hadis, antaranya ialah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abū Mūsā Al-Asy'arīy RA. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أُرْمِلُوا فِي الْعَزْوِ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، ثُمَّ افْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ، فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ

“Sesungguhnya kaum al-Asy‘arīy, apabila mereka menghadapi kekurangan bekalan makanan di medan perang, atau kekurangan makanan untuk keluarga mereka di Madinah, mereka akan mengumpulkan apa yang mereka miliki (makanan) ke dalam sehelai kain. Kemudian mereka akan membahagikan (makanan tersebut) sesama mereka dalam sebuah bekas dengan sama rata. Maka sesungguhnya mereka adalah daripada kalanganku dan aku adalah daripada kalangan mereka. (Hadis. Al-Bukhārī no. 2486 dan Muslim no. 2500)

Tindakan Rasulullah SAW mengaitkan amalan *al-nahd* yang dilakukan oleh kaum al-Asy‘arīy dengan diri baginda dalam rangkap sabda “mereka adalah daripada kalanganku” merupakan perakuan yang jelas terhadap kesahan perlaksanaannya. Ia juga menandakan bahawa instrumen tersebut bertepatan dengan kehendak syariah dan menjadi salah satu bentuk ketaatan kepada Allah SWT (Badr al-Dīn al-‘Aynī, 2010). Hadis tersebut juga secara tidak langsung memuji nilai *ithar* dan amalan bantu-membantu sesama manusia dalam menghadapi kesusahan hidup secara umum, sepertimana yang turut terkandung dalam tujuan penawaran takaful mikro.

2.4 Rukun-Rukun Takaful Mikro

Setiap kontrak kewangan Islam mempunyai rukun-rukun asas bagi mengesahkan perlaksanaannya iaitu (Al-Qarahdāghīy, 2009; Al-Wābil, 1998):

1. *Al-‘āqidān*: Ia merupakan dua pihak yang terlibat dalam sesebuah kontrak, iaitu pihak yang menawarkan kontrak dan pihak yang menerima tawaran kontrak tersebut.
2. *Al-ma‘qūd ‘alayh*: Ia merupakan perincian perkara yang dipersetujui dalam sesebuah kontrak antara pihak-pihak yang terlibat. Rukun ini merupakan tujuan kepada sesebuah akad itu dimeterai.
3. *Sīghat al-‘aqd*: Ia merupakan tindakan penawaran (*al-ījāb*) dan penerimaan (*al-qabūl*) terhadap kontrak yang dilaksanakan antara dua pihak yang terlibat.

Tiga rukun yang disebutkan di atas boleh diadaptasi dalam kontrak takaful seperti berikut (Frenz & Soualhi, 2010):

1. Peserta dan operator takaful sebagai pihak terlibat dalam kontrak takaful (*al-‘āqidān*).
2. Perlindungan terhadap risiko-risiko yang ditentukan sebagai inti pati persetujuan antara pihak-pihak yang berkontrak (*al-ma‘qūd ‘ālayh*).
3. Polisi takaful sebagai dokumen tawaran dan penerimaan kontrak takaful (*sīghat al-‘aqd*).

Kontrak takaful boleh dibezakan daripada kontrak muamalat yang lain berdasarkan tiga perincian *al-ma‘qūd ‘ālayh* yang terdapat padanya iaitu risiko (*al-khaṭr*), sumbangan takaful (*al-qisṭ*) dan manfaat takaful (*mablagh al-takāful*). Kajian seperti Al-Qarahdāghīy (2012), Marāji‘ (2019), Onāgun (2010) dan Ṣaghīrī (2018) telah memposisikan risiko, sumbangan takaful dan manfaat takaful sebagai sebahagian daripada rukun-rukun takaful. Kajian ini melihat bahawa takaful mikro turut berkongsi tiga rukun yang sama dengan produk takaful, namun mempunyai modifikasi tersendiri bagi menyesuaikan penawarannya kepada golongan sasaran dalam kalangan B40.

2.4.1 Risiko Takaful Mikro

Risiko bermaksud kemungkinan untuk mengalami kerugian dan bahaya dalam kehidupan (PRPM, t.th.). Dalam konteks takaful, risiko berkait rapat dengan kemalangan atau musibah yang membawa kepada kerugian kewangan (Zulkifli et al., 2012). Risiko yang termasuk dalam perlindungan takaful pula merupakan risiko tulen; iaitu risiko yang menatijahkan kerugian ataupun keadaan neutral tanpa sebarang kerugian (Lahsasna, 2016). Kebakaran, banjir, kos perubatan yang tinggi dan kematian merupakan contoh bagi risiko tulen. Risiko tulen tidak akan menghasilkan sebarang

keuntungan, sebaliknya risiko spekulatif seperti aktiviti pelaburan saham berkemungkinan mendatangkan risiko kerugian dan keuntungan (Yusof et al., 2015).

Terdapat sekurang-kurangnya tiga syarat umum bagi rukun risiko dalam pelaksanaan takaful iaitu (R. Y. Al-Miṣrīy, 2001; Marāji', 2019; Onāgun, 2010):

1. **Berkemungkinan untuk berlaku:** Risiko-risiko takaful mestilah berkemungkinan untuk menimpa peserta takaful pada masa akan datang. Ia bermaksud bahawa risiko tersebut tidak mustahil untuk berlaku serta tidak juga mesti berlaku kepada peserta takaful. Suatu risiko yang pasti berlaku, namun tidak diketahui masa berlakunya seperti kematian juga merupakan risiko yang boleh ditakafulkan.
2. **Bukan merupakan kemahuan pihak-pihak yang terlibat.** Risiko yang menimpa peserta takaful mestilah bukan hasil daripada kemahuan pihak peserta mahupun pihak operator takaful.
3. **Tidak melanggar hukum syarak dan undang-undang setempat:** Risiko-risiko yang menimpa peserta takaful mestilah tidak berkaitan dengan perkara yang bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang setempat. Misalnya, seorang pengusaha kilang arak tidak boleh mendapatkan takaful bagi melindungi perniagaannya.

Kajian ini merumuskan bahawa reka bentuk risiko yang dilindungi dalam skim takaful mikro mempunyai ciri-ciri khusus yang sesuai dengan keperluan golongan sasaran dan nilai sumbangan takaful mereka. Contohnya, perlindungan takaful keluarga mikro adalah terhad kepada dua hingga tiga risiko sahaja dalam setiap pelan yang ditawarkan. Ia bertepatan dengan garis panduan reka bentuk produk takaful mikro yang diterbitkan oleh BNM (2016). Kebanyakan produk takaful keluarga mikro melindungi risiko seperti kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal (*total and permanent*

disability, TPD) dan diagnosis penyakit kronik dan kritikal dengan manfaat takaful yang tetap. Mokhtar et al. (2012) menyatakan bahawa risiko-risiko tersebut adalah kebimbangan utama golongan berpendapatan rendah kerana kesannya yang buruk terhadap keadaan kewangan mereka.

2.4.2 Sumbangan Takaful Mikro

Sumbangan takaful ditafsirkan sebagai amaun yang perlu dibayar oleh peserta takaful kepada pengendali takaful di bawah suatu sijil takaful dan termasuklah apa-apa saraan bagi fungsi dan kewajipan yang diambil alih oleh pengendali takaful itu (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), 2013). Pada kebiasaannya, nilai sumbangan takaful ditentukan melalui proses pengunderaitan bagi menganalisis risiko serta mengenal pasti pengklasifikasian peserta takaful (Zulkifli et al., 2012). Nilai sumbangan setiap peserta akan ditentukan melalui beberapa faktor utama, iaitu (Zulkifli et al., 2012):

1. Keadaan kesihatan semasa dan masa lampau peserta.
2. Keadaan kewangan peserta.
3. Jenis pekerjaan peserta.
4. Umur dan jantina peserta.

Namun, proses pengunderaitan takaful mikro adalah lebih mudah dan ringkas bagi memudahkan golongan berpendapatan rendah menyertai skim takaful mikro (BNM, 2021; Kamal et al., 2022). Nilai sumbangan yang rendah merupakan elemen utama dalam reka bentuk takaful mikro dalam menyesuaikan kemampuan kewangan golongan B40 yang terhad (Wahid & Noordin, 2014). Justeru, kebanyakan produk takaful mikro ditawarkan di pasaran pada harga tidak melebihi RM300 setahun atau

RM25 sebulan. Setiap pelan takaful mikro mempunyai satu nilai sumbangan takaful yang tetap tanpa mengira latar belakang serta umur peserta.

Walaupun mempunyai nilai sumbangan yang rendah, produk takaful mikro hanya menawarkan perlindungan untuk tempoh 12 bulan atau setahun sahaja (Kamal et al., 2022). Selain itu, pelan-pelan takaful mikro juga dilihat mengehadkan umur penyertaan peserta dan jarang ditawarkan kepada warga emas (Erlbeck et al., 2011; Kamal & Mohamad, 2019). Kajian ini melihat bahawa reka bentuk skim takaful mikro tersebut (had tempoh perlindungan dan had umur peserta) sebagai strategi pengendali takaful untuk mengurangkan risiko defisit dana takaful mikro apabila ia digunakan bagi melunaskan tuntutan peserta takaful mikro.

Sesetengah produk takaful mikro yang ditawarkan di Malaysia turut mengetengahkan model takaful mikro berasaskan kebajikan, di mana nilai sumbangan takaful mikro bagi peserta B40 ditanggung sebahagiannya ataupun sepenuhnya oleh syarikat takaful atau pihak ketiga (BNM, 2021; Sanusi, 2021)⁹. Pendekatan ini dilihat wajar bagi memperkenalkan skim takaful mikro kepada masyarakat dengan lebih meluas serta meningkatkan kadar penembusan pasarannya (Kamal et al., 2020; Liung & Baharin, 2018; Rapi et al., 2022).

2.4.3 Manfaat Takaful Mikro

Manfaat takaful bermaksud nilai perlindungan daripada dana takaful yang diberikan kepada para peserta takaful yang ditimpa musibah berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam polisi takaful (Onāgun, 2010; Şaghīrī, 2018). Dalam

⁹ Insurans kebajikan atau *al-ta'mīn al-khayrīy* dinyatakan sebagai insurans yang tidak mempunyai premium/sumbangan takaful kerana bayaran tersebut telah ditanggung oleh pihak ketiga seperti kerajaan, dana CSR syarikat korporat, dana zakat dan wakaf (R. Y. Al-Miṣrīy, 2001). Tujuan utama penawaran insurans kebajikan adalah untuk mengeluarkan golongan miskin daripada kemiskinan yang lebih buruk apabila mereka ditimpa sebarang musibah dalam kehidupan.

konteks takaful keluarga, manfaat takaful turut mengandungi nilai pampasan (*sum covered*), jumlah terkumpul dalam akaun pelaburan dan bahagian daripada jumlah lebihan dana takaful (*surplus*) yang diberikan ketika penamatan kontrak (Frenz & Soualhi, 2010).

Skim takaful mikro yang kebanyakannya merupakan produk takaful keluarga mempunyai manfaat tetap bagi setiap risiko yang dilindungi. Sebagai contoh, peserta takaful mikro akan menerima sumbangan takaful berjumlah RM8,000 apabila disahkan menghadapi penyakit kritikal dalam inisiatif *mySalam* (Sim, 2023). Sebahagian skim takaful mikro turut menawarkan manfaat takaful dalam bentuk tajaan pelaksanaan ibadat khusus seperti wakaf dan badal haji bagi peserta yang meninggal dunia dalam tempoh perlindungan (Kamal et al., 2020).

Kajian ini turut mengenal pasti bahawa terma perkongsian dana lebihan kepada peserta takaful mikro secara umumnya tidak dijelaskan dengan terperinci dalam produk takaful mikro. IFSB dan IAIS (2015) menerangkan bahawa terdapat dua permasalahan bagi operator takaful mikro untuk menyalurkan perkongsian lebihan dana takaful mikro kepada para peserta iaitu:

1. Tiada amaun lebihan yang signifikan dihasilkan melalui pelaburan daripada nilai sumbangan peserta takaful mikro yang kecil.
2. Ketidakstabilan dana risiko takaful mikro kerana tempoh operasi takaful mikro yang pendek (tidak melebihi 10 tahun).

Oleh itu, dana lebihan peserta takaful mikro pada kebiasaannya disalurkan semula ke dalam dana risiko peserta ataupun dijadikan sebagai sumbangan kebajikan umum bagi pihak peserta takaful mikro kepada badan-badan kebajikan yang berdaftar (IFSB & IAIS, 2015).

2.5 *Al-Takyīf Al-Fiqhīy* Terhadap Kontrak Sumbangan Takaful

Perbandingan takaful mikro dengan pelbagai konsep pemberian dalam Islam sebelum ini dapat menentukan beberapa perbezaan yang ketara antara kesemuanya. Ia menunjukkan bahawa takaful mikro merupakan sebuah kontrak muamalat yang baharu dan diterbitkan bagi memenuhi keperluan masyarakat semasa. Namun begitu, timbul persoalan tentang apakah sandaran syariah kepada kontrak takaful mikro sehingga ia terhindar daripada larangan riba, *gharar* dan perjudian seperti yang terdapat dalam penawaran insurans mikro?

Proses adaptasi perundangan hukum fiqh yang dikenali dengan istilah *al-takyīf al-fiqhīy* merupakan penentuan suatu perkara, permasalahan atau isu baharu yang dibangkitkan menurut sandaran ilmu fiqh (Al-Raysūnīy, 2020). Ia disempurnakan dengan kaedah analisis yang mendalam terhadap isu tersebut serta mengkategorikannya kepada perbahasan fiqh yang berkaitan. Penentuan *al-takyīf al-fiqhīy* terhadap hubungan kontrak yang terlibat dalam operasi takaful mikro adalah amat penting bagi membezakannya dengan amalan insurans konvensional yang dijalankan berdasarkan kontrak pertukaran (*mu'āwāḍat*).

Kajian dalam subtopik ini akan menelusuri perbincangan para fuqaha berkenaan *takyīf fiqhīy* terhadap kontrak takaful. Ini kerana takaful mikro merupakan sejenis produk takaful dan ia mengadaptasi kontrak yang digunakan dalam penawaran takaful. Penelitian yang mendalam terhadap kontrak takaful hendaklah dimulai dengan memahami operasi perlaksanaannya secara umum. Ia dapat dilihat melalui beberapa pentakrifan takaful seperti yang tertera:

“takaful” ertinya suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku

sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), 2013).

Insurans Bersama (*al-ta'mīn al-ta'āwunīy*): Ia merupakan penyertaan sekumpulan individu yang menginginkan perlindungan terhadap suatu risiko atau beberapa risiko tertentu melalui pemberian sumbangan (tunai) oleh setiap daripada mereka dengan jumlah tertentu atas tujuan untuk saling membantu kepada sebuah tabung yang tidak mempunyai tujuan untuk menghasilkan keuntungan; bagi memberikan bayaran pampasan kepada sesiapa dalam kalangan mereka yang ditimpa risiko yang dinyatakan, sejajar dengan kontrak yang telah diputuskan serta sistem perlaksanaannya (Majma' al-Fiqh al-Islāmīy al-Dawhīy, 2013).

Insurans Islam merupakan sebuah persetujuan antara sekumpulan individu (peserta) bagi tujuan mendapatkan perlindungan (pampasan) daripada kemudaratan/risiko tertentu dengan memberi sumbangan berdasarkan kaedah *al-iltizām bi al-tabarru'* (komitmen untuk menyumbang) sehingga terbentuk dengannya satu dana (takaful) yang memiliki *syakhṣiyyat i'tibāriyyat* (satu entiti khas yang sah menurut undang-undang) yang memiliki hak dan tanggungjawab kewangan sendiri. Dana tersebut akan digunakan untuk melunaskan tuntutan pampasan kepada peserta yang mengalami kemudaratan, tertakluk kepada peraturan dan proses dokumentasi yang telah dipersetujui. Dana tersebut boleh diuruskan sama ada oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik dalam kalangan pemegang polisi takaful atau melalui sebuah syarikat stok bersama yang menguruskan operasi insurans. Pengurus dana layak menerima upah yang telah ditetapkan berdasarkan khidmat pelaburan aset-aset dana (AAOIFI, 2015).

Definisi-definisi di atas menunjukkan bahawa aktiviti utama yang menjadi inti pati takaful ialah sumbangan tunai para peserta yang akan membentuk sebuah dana takaful bagi tujuan membayar pampasan para peserta yang mengalami kemalangan. Melalui gambaran tersebut, para fuqaha telah mengutarakan pelbagai jenis kontrak syariah yang mendasari amalan takaful seperti *al-iltizām bi al-tabarru'*, *al-muwālāt*, *al-ta'mīn al-baḥrīy*, *al-awāqil*, *al-nahd* dan lain-lain.

2.5.1 *Al-iltizām bi al-tabarru'*

Al-iltizām bi al-tabarru' bermaksud komitmen untuk menyumbang. Ia turut disebut sebagai *al-wa'd al-mulzim* yang merupakan sebuah perbincangan dalam mazhab Mālikīy (Aḥmad, 2007). Konsep *iltizām bi al-tabarru'* digunakan apabila

seseorang menyatakan komitmen untuk bersedekah dengan tujuan kebajikan (makruf) (Al-Ḥaṭṭāb Al-Ru‘yanīy, 1984)¹⁰. Amalan bersedekah yang merupakan perkara harus dalam hukum syarak telah menjadi suatu kemestian ke atas seseorang melalui akad *iltizām bi al-tabarru‘*. Al-Ḥaṭṭāb Al-Ru‘yanīy (1984) menyatakan bahawa komitmen seseorang untuk bersedekah adalah dibenarkan dan pelakunya mestilah berpegang kepada akad pemberian tersebut (melaksanakannya) selagi mana dia tidak muflis, mati atau ditimpa penyakit yang menyebabkan kematian (*marad al-mawt*).

Perbincangan berkenaan akad *iltizām bi al-tabarru‘* pada awalnya dilontarkan oleh para fuqaha sebagai salah satu akad yang diqiaskan kepada pelaksanaan insurans komersial. Syarikat insurans berperanan sebagai pemberi komitmen untuk menanggung kerugian para peserta insurans yang ditimpa musibah (Al-Raḥmān, 2006). Pandangan ini dikritik dengan hebat kerana kontrak *iltizām bi al-tabarru‘* merupakan komitmen satu pihak untuk menyumbang secara sukarela tanpa meletakkan sebarang syarat (Baltājīy, 2008). Adapun sistem insurans mengenakan bayaran premium terlebih dahulu kepada peserta insurans bagi mendapatkan perlindungan yang dinyatakan dalam kontrak insurans.

Kontrak *iltizām bi al-tabarru‘* dalam sistem takaful pula terjadi apabila para peserta takaful memberikan komitmen untuk menyumbang ke dalam dana takaful para peserta yang diuruskan oleh sesebuah syarikat takaful (Al-Qarahdāghīy, 2012). Sumbangan takaful yang diberikan oleh para peserta juga bermaksud bahawa mereka telah melepaskan hak milik harta tersebut daripada pemilikan mereka. Konsep *iltizām bi al-tabarru‘* turut diaplikasikan terhadap sumbangan dana takaful kepada para peserta

¹⁰ Pemberian sedekah dalam konteks *tabarru‘āt* merangkumi pemberian hibah, wakaf, pinjaman, *‘umrā*, jaminan dan lain-lain (Al-Ḥaṭṭāb Al-Ru‘yanīy, 1984).

takaful yang ditimpa jenis-jenis kemalangan yang telah ditetapkan dalam kontrak takaful (Dawābah, 2016).

2.5.2 *Al-Muwālāt*

Hukum *al-muwālāt* merupakan pandangan dalam mazhab Ḥanafīy yang menggambarkan seseorang (dikenali sebagai *al-ma'qūl 'alayh*) meminta kepada individu lain (dikenali sebagai *mawlā al-muwālāt*) untuk menampung bayaran diatnya jika dia melakukan suatu jenayah (yang menatijahkan hukuman diat). Sebagai balasan, *mawlā al-muwālāt* boleh mewarisi harta *al-ma'qūl 'alayh* jika *al-ma'qūl 'alayh* meninggal dunia terlebih dahulu (Al-Ḥaṣkafīy, 2002). Sandaran hukum *al-muwālāt* dipetik daripada firman Allah SWT (Baltājīy, 2008):

﴿وَالَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَانُكُمْ فَآتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ﴾

“Dan mana-mana orang yang telah kamu telah membuat ikatan setia dengan mereka (untuk bantu-membantu dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah mereka bahagiannya.” (Al-Quran. Al-Nisā' 4:33)

Tanggungjawab diat dan perwarisan harta pada asasnya merupakan hukum yang terkait dengan hubungan kekeluargaan. Menurut mazhab Ḥanafīy, *al-muwālāt* merupakan sebuah pengecualian yang diberikan kepada Muslim yang bukan berbangsa Arab ataupun orang yang tidak diketahui nasabnya (Al-Raḥmān, 2006; Ibn Māzah, 2004). Melalui *al-muwālāt*, golongan tersebut seumpama diberikan jaminan oleh Muslim yang lain atas asas tolong-menolong untuk melunaskan hukuman diatnya apabila mereka melakukan jenayah pada masa akan datang.

Al-muwālāt dilihat mempunyai persamaan dengan konsep takaful yang merupakan perjanjian untung saling bantu-membantu dalam kalangan individu yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan (R. Y. Al-Miṣrīy, 2001). Persamaan konsep

al-muwālāt dan takaful juga dapat diperhatikan melalui perbandingan rukun antara kedua-dua kontrak seperti berikut (Aḥmad, 2007):

1. *Mawlā al-muwālāt* seperti syarikat takaful
2. *Al-ma'qūl 'alayh* seperti peserta takaful
3. Bayaran diat yang dilunaskan oleh *mawlā al-muwālāt* seperti pampasan takaful
4. Harta warisan yang diberikan kepada *mawlā al-muwālāt* seperti sumbangan takaful

2.5.3 *Al-ta'mīn al-baḥrīy*

Al-ta'mīn al-baḥrīy boleh diterjemahkan sebagai insurans lautan. Ia turut dikenali sebagai *damān khaṭr al-ṭarīq* (jaminan terhadap risiko perjalanan) (Al-Raḥmān, 2006). Konsep *al-ta'mīn al-baḥrīy* merupakan gambaran insurans pertama yang dikemukakan dalam perbahasan fiqh yang dipelopori oleh Ibn 'Abidīn daripada mazhab Ḥanafīy (Baltājīy, 2008).

Ibn 'Abidīn (1966) menerangkannya sebagai keadaan para pedagang Muslim yang mengambil khidmat penghantaran barangan daripada orang bukan Islam dengan bayaran upah tertentu. Dalam masa yang sama, pedagang Muslim tersebut memberikan sejumlah wang yang disebut sebagai *sūkrat* kepada warganegara bukan Muslim yang lain dengan tujuan bahawa individu tersebut akan menjadi penjamin kepada kesemua barangan mereka jika ia musnah akibat kebakaran, tenggelam ataupun dirompak oleh penyamun sepanjang perjalanan penghantaran barangan tersebut. Walaupun begitu, Ibn 'Abidīn (1966) telah merumuskan bahawa pemberian *sūkrat* tersebut sebagai tidak sah di sisi syarak.

Terdapat persamaan yang jelas antara *al-ta'mīn al-bahrīy* dan takaful, khususnya terhadap tujuan kontrak-kontrak tersebut dilaksanakan; iaitu untuk mengurangkan kerugian risiko-risiko kemalangan yang tidak diduga melalui bayaran *sūkrat* atau sumbangan takaful (R. Y. Al-Miṣrīy, 2001). Golongan fuqaha yang membenarkan insurans juga bersetuju bahawa *al-ta'mīn al-bahrīy* merupakan salah satu qias kepada insurans am untuk tujuan menjamin keselamatan aset-aset yang diinsuranskan (Al-Raḥmān, 2006).

Perbincangan berkenaan *al-takyīf al-fiqhīy* terhadap kontrak takaful di atas menunjukkan bahawa asas kepada konsep takaful telah pun dibincangkan oleh para fuqaha dalam pelbagai jenis kontrak kewangan Islam. Ia sejajar dengan keperluan serta kemahuan tabii manusia pada setiap zaman untuk hidup dalam keadaan aman dan dilindungi daripada sebarang kecelakaan. Walaupun begitu, sandaran takaful kepada pelbagai kontrak muamalat Islam mempunyai perbincangan serta kritikan yang panjang dalam kalangan fuqaha (Faṭāyir, 2019). Perbahasan terperinci berkenaan isu tersebut tidaklah disertakan dalam kajian ini bagi memfokuskan skop penyelidikan terhadap takaful mikro.

Pendekatan lain yang diketengahkan oleh para fuqaha dalam menilai *al-takyīf al-fiqhīy* terhadap kontrak takaful adalah dengan mengiktirafnya sebagai sebuah kontrak baharu dalam kewangan Islam (Al-Qarahdāghīy, 2012; Al-Zarqā, 1984; Baltājīy, 2008). Perkara tersebut terkandung dalam kaedah fiqh yang menyatakan (Al-Subkīy, 1991):

الأصل في العقود الصَّحَّة

“Asas hukum bagi sebarang kontrak (persetujuan antara pihak-pihak yang terlibat) ialah sah”

Kaedah fiqh di atas menerangkan bahawa sesebuah kontrak berserta dengan syarat-syaratnya adalah dibenarkan dan sah melainkan terdapat dalil syarak yang menghalangnya (Ibn Taymiyyat, 2004). Maka, kontrak takaful dilihat sebagai sebuah

kontrak kewangan baharu yang diharuskan selagi mana ia mematuhi keperluan dan garis panduan syariah yang ditetapkan (Al-Zarqā, 1984). Justeru, asas *tabarru'* hendaklah diguna pakai dalam penawaran produk takaful bagi mematuhi keperluan syariah seperti mana yang dinyatakan oleh Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (International Islamic Fiqh Academy, IIFA) (Majma' al-Fiqh al-Islamīy al-Dawlīy, 1985):

أَنَّ الْعُقْدَ الْبَدِيلَ الَّذِي يَحْتَرِمُ أُصُولَ التَّعَامُلِ الْإِسْلَامِيِّ هُوَ عَقْدُ التَّأْمِينِ التَّعَاوُنِيِّ الْقَائِمِ عَلَى أُسَاسِ التَّبَرُّعِ وَالتَّعَاوُنِ

“Kontrak gantian (kepada insurans konvensional) yang menepati konsep muamalat Islam ialah kontrak insurans kerjasama (takaful) yang dibangunkan atas prinsip sumbangan kebajikan (*tabarru'*) dan tolong-menolong.”

2.6 Model Operasi Takaful Mikro

Meskipun *tabarru'* merupakan kontrak asas bagi takaful mikro, namun operasi keseluruhan takaful mikro turut meliputi pelbagai kontrak kewangan Islam yang lain, khususnya bagi menerangkan hubungan antara pengendali takaful dengan peserta dan dana takaful mikro (Bakar, 2009). Antara kontrak yang turut digunakan dalam operasi takaful mikro ialah wakalah, *mudārabat*, *ju'ālat*, *qard* dan wakaf. Setiap satu daripada kontrak kewangan ini diaplikasikan bersesuaian dengan setiap model takaful mikro yang digunakan.

Kajian ini terlebih dahulu menerangkan beberapa persamaan yang terdapat dalam kesemua model takaful mikro bagi menggambarkan keseluruhan operasi perlaksanaannya. Berikut merupakan empat kelaziman operasi takaful mikro (Archer et al., 2009; Bakar, 2009; BNM, 2019b; IFSB & IAIS, 2015; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), 2013):

1. **Pemilikan Dana Risiko Takaful Mikro:** Jumlah sumbangan takaful mikro yang diberikan oleh para peserta takaful mikro akan membentuk sebuah dana yang dinamakan sebagai dana risiko takaful mikro (*microtakaful risk fund*, MRF). MRF dimiliki oleh kesemua peserta takaful mikro secara bersama. pengendali takaful tidak mempunyai hak pemilikan terhadap MRF dan hanya berperanan untuk menguruskan proses pengunderaitan dan pelaburan dana tersebut.
2. **Pelaburan Dana Risiko Takaful Mikro:** Dana yang terkumpul dalam MRF akan dilaburkan oleh pengendali takaful dalam instrumen pelaburan patuh syariah.
3. **Pemilikan Lebihan Pengunderaitan¹¹:** Para peserta takaful mikro turut memiliki keseluruhan nilai lebihan pengunderaitan. Pengendali takaful boleh mendapatkan bahagian dalam perkongsian lebihan pengunderaitan berdasarkan persetujuan yang dinyatakan dalam polisi takaful mikro.
4. **Pemakaian *Qard*:** MRF turut berisiko mengalami kerugian apabila jumlah tuntutan peserta adalah lebih tinggi berbanding jumlah sumbangan takaful mikro. Dalam hal ini, pemegang saham pengendali takaful diperuntukkan melalui undang-undang untuk menyediakan pinjaman tanpa faedah atau *qard* kepada MRF bagi menampung defisit tersebut. Nilai pinjaman akan dilunaskan semula menggunakan lebihan pengunderaitan takaful mikro yang akan datang.

¹¹ Lebihan pengunderaitan merupakan baki yang terdapat daripada MRF dan keuntungan pelaburan setelah menolak jumlah pendapatan pengendali takaful dan tuntutan peserta takaful mikro.

2.6.1 Model Wakalah

Wakalah ialah sebuah kontrak pemberian mandat oleh pihak prinsipal kepada satu pihak yang dikenali sebagai ejen dalam mewakili pihak prinsipal melaksanakan dan menjalankan transaksi bagi pihaknya (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM], 2009). Kontrak wakalah dalam operasi takaful mikro terdiri daripada empat komponen berikut:

Jadual 2.4: Komponen Kontrak Wakalah dalam Operasi Takaful Mikro


Bil.	Elemen Wakalah	Penerangan
1.	Ejen (<i>Wakīl</i>)	Pengendali takaful.
2.	Prinsipal (<i>Muwakkil</i>)	Peserta takaful mikro.
3.	Pekerjaan (<i>Muwakkal fih</i>)	Keseluruhan operasi takaful mikro.
4.	Persetujuan (<i>Sīghat</i>)	Dokumen tawaran perwakilan dan penerimaan yang terkandung dalam helaian pendedahan produk takaful mikro.

Sumber: (BNM, 2016b)

Dalam model wakalah, hubungan antara peserta takaful mikro dan pengendali takaful adalah sebagai prinsipal dan ejen sahaja (Abdul Wahab et al., 2007). Peserta takaful mikro melantik pengendali takaful sebagai wakil bagi menjalankan aktiviti pengunderaitan dan pelaburan MRF dengan memberikan sejumlah bayaran yang dinamakan sebagai fi/yuran wakalah (Billah et al., 2019). Fi wakalah diambil daripada nilai sumbangan takaful mikro peserta takaful dan ia perlulah ditentukan serta dinyatakan terlebih dahulu dalam kontrak (Hassan, 2020). Sebahagian fi wakalah digunakan bagi menanggung kos pengurusan takaful mikro, manakala sebahagian lain pula merupakan bahagian keuntungan bagi pemegang saham pengendali takaful (IFSB & IAIS, 2015). Berikutan itu, nilai keuntungan pengendali takaful adalah bergantung kepada kos pengurusan takaful mikro.

Peranan pengendali takaful sebagai ejen tidak melayakkannya menerima apa-apa bahagian keuntungan daripada hasil pelaburan MRF (Billah et al., 2019). Ia menjadikan pendapatan pengendali takaful hanya berpusat pada fi wakalah. Hal ini dikhuatiri akan

memberi kesan kepada matlamat syarikat yang lebih terdorong untuk mendapatkan peserta yang ramai atau kadar sumbangan yang tinggi, tetapi tidak menumpukan kepada prestasi aktiviti pengunderaitan dan pelaburan yang terbaik (S. Salleh, 2013). Oleh itu, sebahagian pengendali takaful turut mengenakan yuran prestasi atas asas kontrak *ju'ālat* berdasarkan prestasi lebihan pengunderaitan dan pelaburan sebagai insentif kepada pengendali takaful (Archer et al., 2009)¹².



Sumber: Adaptasi daripada sumber Frenz dan Soualhi (2010)


Rajah 2.1: Carta Alir Operasi Takaful Mikro Berasaskan Model Wakalah

¹² Kontrak *ju'ālat* ialah akad yang mewajibkan prinsipal untuk memberikan ganjaran kepada ejen mengikut kadar yang sesuai berdasarkan kerja yang telah diselesaikan (PRPM, t.th.-b). Menurut pentakrifan mazhab Mālikīy, ganjaran tersebut diberikan setelah tugas yang diberikan selesai, manakala ia tidak diberikan selagi tugas tersebut tidak disempurnakan (Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyaṭ – Al-Kuwayt, 2006). Nilai/bahagian ganjaran *ju'ālat* dalam kontrak takaful mikro perlulah ditentukan, dinyatakan dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat terlebih dahulu.

2.6.2 Model Wakalah-*Mudārabat*

Berbanding model wakalah, model wakalah-*mudārabat* dalam operasi takaful mikro mengasingkan antara aktiviti pengunderaitan berdasarkan kontrak wakalah dan aktiviti pelaburan berdasarkan kontrak *mudārabat* yang dijalankan oleh pengendali takaful (Ali, 2016). *Mudārabat* ialah sebuah kontrak antara pemodal (*rabb al-māl*) dan pelabur (*mudārib*); iaitu pemodal menyediakan modal untuk dilaburkan oleh pelabur dengan persetujuan bahawa sebarang keuntungan yang terhasil daripada modal tersebut akan dibahagikan mengikut nisbah perkongsian tertentu (BNM, 2015). Sekiranya berlaku kerugian, ia ditanggung sepenuhnya oleh pemodal, manakala pelabur akan menanggung kerugian daripada usahanya (JAKIM, 2009).

Model ini menjadikan pengendali takaful berhak untuk menerima fi wakalah daripada nilai sumbangan takaful peserta serta peratusan perkongsian keuntungan daripada hasil pelaburan dana MRF (IFSB & IAIS, 2015). Sebahagian fuqaha turut membenarkan lebihan pengunderaitan dikongsi dengan pengendali takaful sebagai yuran prestasi melalui akad *ju'ālat*, namun ia tidak diberikan kepada pengendali takaful sebagai sebahagian daripada keuntungan pelaburan yang ditetapkan menerusi akad *mudārabat* (Bakar, 2009).



Sumber: Adaptasi daripada sumber Frenz dan Soualhi (2010)

Rajah 2.2: Carta Alir Operasi Takaful Mikro Berasaskan Model Wakalah-*Mudharabah*


2.6.3 Model Wakalah-Wakaf

Model wakalah-wakaf digunakan dalam operasi takaful mikro bagi mengasingkan pemilikan dana MRF daripada para peserta takaful mikro (S. Salleh, 2013). Bagi tujuan itu, pemegang saham pengendali takaful akan mewakafkan suatu nilai dana permulaan bagi mewujudkan sebuah dana wakaf MRF sebagai sebuah entiti sah menurut undang-undang (IFSB & IAIS, 2015). Ia juga bermaksud bahawa pemegang saham pengendali takaful telah melepaskan hak milik dana tersebut melalui pemberian wakaf (Zakaria et al., 2019). Dana wakaf MRF kemudian dilaburkan dalam

pelaburan patuh syariah yang selamat dan berisiko rendah bagi mengekalkan nilai asal wakaf serta menjana pendapatan daripadanya (A. Abdullah & Yaacob, 2012; Pasha & Hussain, 2013).

Dalam model ini, pengendali takaful memainkan tiga peranan penting iaitu sebagai pemegang amanah dana wakaf atau *mutawalli* (dalam kontrak wakaf), wakil (dalam kontrak wakalah) dan pelabur (dalam kontrak *mudārabat*) kepada dana wakaf MRF (S. Salleh, 2013). pengendali takaful mewakili dana wakaf MRF untuk menarik peserta bagi menyertai skim perlindungan takaful mikro, menguruskan proses keahlian peserta serta menguruskan aktiviti pengunderaitan dan operasi pelaburan. Pendapatan pengendali takaful adalah bersumberkan yuran wakalah dan nisbah keuntungan pelaburan daripada dana wakaf MRF bagi melunaskan perbelanjaan operasi berserta bahagian keuntungan kepada pemegang saham pengendali takaful (IFSB & IAIS, 2015).

Peserta yang berminat untuk menyertai skim takaful mikro berasaskan wakaf ini akan menyumbang ke dalam dana wakaf MRF. Nilai sumbangan tersebut akan menjadi sebahagian daripada hak milik dana wakaf MRF yang turut menatijahkan pemilikan dana wakaf MRF keatas keuntungan pelaburan dan lebihan pengunderaitan yang terhasil daripadanya (Archer et al., 2009). Walau bagaimanapun, peserta takaful mikro yang juga merupakan penerima manfaat wakaf boleh menerima sebarang pemberian daripada keuntungan pelaburan ataupun lebihan pengunderaitan jika ia dinyatakan dalam sighth wakaf, walhasil menjadi sebahagian daripada tanggungjawab yang telah ditetapkan kepada dana wakaf MRF (S. Salleh, 2013).



Sumber: Adaptasi daripada sumber Frenz dan Soualhi (2010), Hassan (2020) dan Salleh (2013)

Rajah 2.3: Carta Alir Operasi Takaful Mikro Berasaskan Model Wakalah-Wakaf

2.6.4 Model Koperatif

Model koperatif dalam operasi takaful mikro telah digunakan dalam penawarannya di Sudan dan Arab Saudi (IFSB & IAIS, 2015). Dalam model ini, pengendali takaful mikro dan para peserta bersama-sama membangunkan dana MRF yang digunakan untuk menanggung segala kos pengurusan dan pemerolehan (*acquisition cost*). Antara ciri utama yang ditekankan dalam model ini ialah pelantikan lembaga pengarah dalam kalangan peserta yang dipilih sendiri oleh para peserta takaful

mikro (IFSB & IAIS, 2015). Terdapat sedikit perbezaan antara model koperatif yang dilaksanakan di Arab Saudi dan Sudan seperti berikut:

Jadual 2.5: Perbezaan antara Model Koperatif Takaful Mikro di Arab Saudi dan Sudan

Bil.	Arab Saudi	Sudan
1.	Kontrak dijalankan menurut akad wakalah dan pengendali takaful akan mendapatkan yuran wakalah daripada sumbangan takaful atas perkhidmatan yang diberikan.	Kontrak dijalankan menurut akad <i>muḍārabah</i> dan pengendali takaful akan mendapatkan nisbah perkongsian keuntungan daripada aktiviti pelaburan dana MRF.
2.	Pengendali takaful turut memperolehi perkongsian bahagian daripada lebih pengunderaitan dana MRF.	Pengendali takaful tidak berkongsi bahagian daripada lebih pengunderaitan dana MRF. Keseluruhan jumlah lebih akan diagihkan kepada para peserta.

Sumber: (IFSB & IAIS, 2015)

2.7 Perundangan Takaful Mikro di Malaysia

Perniagaan takaful di Malaysia pada hari ini dikawal selia oleh BNM melalui perundangan utamanya; iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) sejak 30 Jun 2013 (R. Hasan & Salleh, 2017). Sebelum itu, perundangan takaful adalah tertakluk kepada Akta Takaful 1984. Ia dibangunkan hasil daripada cadangan sebuah Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengkaji penubuhan industri takaful di Malaysia pada tahun 1982 (BNM, 2004; Mahmud & Abd Kader, 2012). Selain daripada APKI 2013, perniagaan takaful turut terikat dengan beberapa perundangan lain iaitu (Zulkifli et al., 2012):

1. Akta Syarikat 1965
2. Akta Cukai Pendapatan 1967
3. Akta Bank Negara Malaysia 2009

Antara aspek yang dinyatakan dalam APKI 2013 ialah berkenaan tadbir urus syariah dan kepatuhan syariah dalam keseluruhan operasi institusi kewangan Islam

(IKI) (R. Hasan & Salleh, 2017). Bagi memastikan perkara tersebut, struktur pentadbiran institusi takaful hendaklah merangkumi dua komponen penting iaitu Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan Jawatankuasa Penasihat Syariah di setiap syarikat takaful (INCEIF, 2012).

MPS merupakan autoriti syariah tertinggi bagi institusi kewangan Islam di Malaysia yang berperanan dalam memutuskan hukum syarak berkaitan kewangan Islam yang terpakai bagi IKI di bawah seliaan BNM (Mohamed Yusof et al., 2015). Peranan tersebut adalah bertepatan dengan peruntukan Seksyen 52, Akta Bank Negara Malaysia 2009. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah di setiap syarikat takaful pula merupakan suatu ketetapan yang diperuntukkan dalam Seksyen 30, APKI 2013. Jawatankuasa Penasihat Syariah berfungsi sebagai sebuah badan yang memastikan aspek kepatuhan syariah dalam tujuan, operasi dan seluruh aktiviti perniagaan takaful melalui saranan-saranan yang didasari dengan keputusan, standard serta garis panduan yang dikeluarkan oleh MPS (BNM, 2019). BNM turut menerbitkan sebuah dokumen polisi iaitu “Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah” pada 2019 bagi memperincikan keperluan-keperluan syariah dalam tadbir urus IKI yang merangkumi industri takaful (S. Mohamad, 2020).

Penekanan turut diberikan kepada aspek audit syariah dalam APKI 2013. Mat Zain et al. (2020) menyatakan bahawa audit syariah dalam IKI sebelum ini adalah merupakan suatu pilihan, namun telah dijadikan sebuah kemestian selepas pewartaan APKI 2013 seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 37 dan 38. Tindakan tersebut dilihat sebagai komitmen BNM untuk memastikan kepatuhan syariah dalam keseluruhan aktiviti IKI. Selain APKI 2013 dan standard yang diterbitkan oleh BNM, garis panduan bagi urus tadbir syariah, aktiviti kewangan dan audit syariah dalam operasi takaful turut

disandarkan kepada standard yang diterbitkan oleh badan-badan kebangsaan dan antarabangsa seperti (BNM, 2010; INCEIF, 2012; Zulkifli et al., 2012):

1. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Security Commission Malaysia, SC)
2. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board, MASB)
3. Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance, ISRA)
4. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Service Board, IFSB)
5. Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institution, AAOIFI)
6. Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS).

Selain itu, syarikat takaful turut mempunyai amalan swaatur (*self regulatory*) yang diselia oleh Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association [MTA], t.th.). MTA ditubuhkan pada bulan November 2002 di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan merupakan persatuan mandatori yang dinyatakan secara khusus dalam Subseksyen 4(2)(d), Akta Takaful 1984 (Persatuan Insurans Hayat Malaysia & MTA, t.th.; Zulkifli et al., 2012). Objektif penubuhan MTA adalah untuk mengemukakan kepentingan syarikat-syarikat dalam industri takaful serta memastikan ahli-ahlinya menjalankan perniagaan takaful dengan tata kelola yang baik (INCEIF, 2012).

Perundangan khusus takaful mikro pada hari ini dapat ditemukan dalam perincian dokumen polisi Perlindungan Tenang yang diterbitkan oleh BNM pada tahun 2021 (BNM, 2021). Ia dilihat sebagai sebuah rentetan daripada penerbitan kertas

perbincangan BNM berkenaan insurans mikro dan takaful mikro pada 2016 (BNM, 2016). Selain itu, IFSB dan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) telah menjalankan kajian yang khusus terhadap model, rangka kawal selia serta isu-isu yang dihadapi dalam penawaran skim takaful mikro di seluruh dunia (IFSB & IAIS, 2015). Hasilnya, sebuah kertas penyelidikan telah dihasilkan pada 2015 bagi mencadangkan garis panduan dan amalan penyeliaan yang efektif bagi sektor takaful mikro.

Pengkhususan peruntukan undang-undang berkenaan takaful mikro di Malaysia masih lagi berada pada peringkat permulaan. Namun, takaful mikro yang merupakan subset kepada takaful turut mengguna pakai undang-undang takaful yang dinyatakan dalam APKI 2013. Sehubungan itu, penawaran takaful mikro di Malaysia dilihat sudah mempunyai standard serta rangka kawal selia yang menyeluruh, kemas dan kompeten di bawah seliaan BNM. Keadaan tersebut turut menjelaskan bahawa keseluruhan operasi takaful mikro di Malaysia adalah bertepatan dengan keperluan dan piawaian syariah yang ketat.

2.8 Produk-Produk Takaful Mikro Semasa

Subtopik ini akan menyenarai serta menerangkan beberapa produk takaful mikro yang sedia ada di pasaran bagi melengkapkan kefahaman terhadap instrumen takaful mikro dan pelaksanaannya di Malaysia.

2.8.1 *mySalam*

Inisiatif *mySalam* dibangunkan oleh pihak kerajaan bagi memenuhi keperluan golongan B40 untuk mendapatkan perlindungan kesihatan ketika mereka disahkan menghadapi penyakit kritikal ataupun dimasukkan ke hospital (Liung & Baharin, 2018;

mySalam, 2019). Skim *mySalam* berkuat kuasa untuk tempoh lima tahun (sehingga tahun 2023) dan para peserta boleh mengemukakan tuntutan sehingga 30 Jun 2024 (*mySalam*, t.th.). Manfaat skim ini dapat dinyatakan seperti berikut:

Jadual 2.6: Manfaat Perlindungan *mySalam*

Bil.	Risiko yang dilindungi	Manfaat Skim
1.	Peserta didiagnosis salah satu daripada 45 jenis penyakit kritikal yang dilindungi	Bayaran tunai berjumlah RM8,000 sekali seumur hidup
2.	Hospitalisasi	Bayaran tunai bernilai RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari hospitalisasi

Sumber: (*mySalam*, t.th.)

Menerusi skim ini, Tabung Amanah *mySalam* telah diwujudkan dengan mempunyai nilai sumbangan berjumlah RM2 bilion yang disalurkan oleh syarikat pengendalinya iaitu Great Eastern Holdings (GEH) (*mySalam*, t.th.). Sumbangan tersebut diberikan hasil daripada rundingan antara pihak GEH dan kerajaan sebagai alternatif kepada GEH yang perlu melepaskan 30% nilai pegangan saham mereka kepada pelabur tempatan. Ia merupakan peraturan pelesenan insurans semasa yang dikenakan terhadap syarikat insurans asing (*mySalam*, t.th.).

Nilai sumbangan RM2 bilion yang disalurkan kepada Tabung Amanah *mySalam* dijangka akan memberi manfaat kepada lapan juta penerima dalam kalangan B40 untuk sekurang-kurangnya tempoh lima tahun bermula 2019 sehingga 2023 (*mySalam*, t.th.). Setiap sijil takaful bagi lapan juta penerima *mySalam* dianggarkan menyamai sumbangan takaful bernilai RM112 setiap tahun untuk tempoh lima tahun. Hak pemilikan Tabung Amanah *mySalam* tidak dihuraikan secara jelas dalam dokumen sedia ada, namun pemulangan lebihan dana ke dalam Tabung Amanah setelah berakhir tempoh lima tahun perlindungan takaful dapat diandaikan bahawa ia mempunyai hak pemilikan tersendiri.

Hubungan kontrak muamalat dalam operasi *mySalam* pula dilihat menerapkan elemen *tabarru'* yang tulen; iaitu sumbangan syarikat takaful (GEH) kepada Tabung Amanah *mySalam* dan kemudiannya kepada penerima dalam bentuk tuntutan takaful. Penerangan menerusi *mySalam* (t.th.) turut menyatakan bahawa Great Eastern Takaful Berhad (GETB) sebagai pengendali takaful tidak menjana sebarang keuntungan daripada skim perlindungan yang ditawarkan ini. Selain itu, GETB juga mungkin berperanan sebagai wakil kepada pihak GEH bagi menguruskan Tabung Amanah dan bayaran pampasan menerusi akad wakalah. Model takaful mikro yang digunakan dalam *mySalam* juga bukanlah mana-mana model yang diketengahkan dalam perbincangan sebelum ini seperti wakalah, *mudārabat* dan lain-lain kerana operasi perlindungan takaful ini adalah berteraskan sumbangan kebajikan semata-mata.

2.8.2 Perlindungan Tenang

Inisiatif Perlindungan Tenang yang memfokuskan kepada pembangunan dan penawaran produk insurans dan takaful mikro telah diterajui oleh BNM bermula pada tahun 2017 (BNM, 2022). Penawarannya adalah selari dengan matlamat Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 dan penerbitan Kertas Perbincangan Insurans Mikro dan Takaful Mikro pada 2016 oleh institusi kewangan tersebut (BNM, 2011, 2016). Setelah lima tahun inisiatif ini dijalankan, BNM telah menerbitkan dokumen polisi Perlindungan Tenang pada 2 Julai 2021 yang bertujuan untuk mengukuhkan penawaran produk-produk insurans/takaful mikro berdasarkan perincian keperluannya (BNM, 2021).

Ia termasuklah menerangkan prinsip-prinsip utama penawaran produk, memberikan garis panduan dan menyediakan rangka kerja kawal selia kepada syarikat-syarikat takaful untuk membangunkan produk takaful mikro yang inovatif menurut kepakaran masing-masing (BNM, 2021). Senarai produk-produk takaful mikro di

bawah inisiatif Perlindungan Tenang berserta perincian syarikat pengendali, nilai sumbangan dan manfaat-manfaat setiap satu daripadanya adalah seperti berikut:

Jadual 2.7: Produk-Produk Takaful Mikro di bawah Inisiatif Perlindungan Tenang 2022

Bil.	Pengendali Takaful	Produk	Nilai Sumbangan Tahunan	Manfaat Perlindungan
1.	AIA Public Takaful	• AIA i-Starter Plan	• Bermula RM39.00	• Kematian • Hilang Keupayaan Kekal
2.	FWD Takaful	• FWD Kasih	• Bermula RM24.36	• Hilang upaya menyeluruh dan kekal • Badal haji • Kematian akibat kemalangan • Khairat kematian
3.	Great Eastern Takaful	• MikroSayang	• Pelan A: RM75.00 • Pelan B: RM75.00 • Pelan C: RM120.00	• Pelan A: Kematian disebabkan kemalangan dan hospitalisasi • Pelan B: Kematian disebabkan kemalangan dan penyakit kritikal • Pelan C: Kematian disebabkan kemalangan, hospitalisasi dan penyakit kritikal
4.	Hong Leong MSIG Takaful	• HLM Takaful Tenang • HLM Takaful Tenang 75	• HLM Takaful Tenang: Bermula RM50.00 • HLM Takaful Tenang 75: RM75.00	• Kematian • Hilang upaya menyeluruh dan kekal
5.	Prudential BSN Takaful	• BSN Takaful Sakinah	• Pelan 1: RM55.00 • Pelan 2: RM80.00 • Pelan 3: RM110.00 • Pelan 4: RM65.00	• Kematian akibat semula jadi dan kemalangan • Khairat kematian
		• Lindungi	• Bergantung kepada jumlah	• Kematian

			perlindungan yang dipilih, umur, jantina, status kesihatan dan/atau pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Hilang upaya menyeluruh dan kekal
6.	Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Z-Prihatin Takaful 	<ul style="list-style-type: none"> Pelan A: RM50.00 Pelan B: RM75.00 	<ul style="list-style-type: none"> Kematian dan hilang upaya kekal akibat kemalangan Pendapatan hospital akibat kemalangan Pendapatan hospital akibat denggi Khairat kematian
7.	Takaful Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Takaful myTenang Care 	<ul style="list-style-type: none"> RM75.00 	<ul style="list-style-type: none"> Kematian (semua sebab) Hilang upaya menyeluruh dan kekal (semua sebab)
8.	Takaful Ikhlas	<ul style="list-style-type: none"> IKHLAS Perlindungan Tenang 	<ul style="list-style-type: none"> RM75.00 	<ul style="list-style-type: none"> Kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan Kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat semula jadi Badal haji Khairat kematian
9.	Takaful ETIQA	<ul style="list-style-type: none"> POS Tenang 	<ul style="list-style-type: none"> Pelan Perak: RM55.00 Pelan Emas: RM85.00 Pelan Platinum: RM110.00 	<ul style="list-style-type: none"> Kematian akibat semua sebab Kos perubatan akibat kemalangan

Sumber: (Persatuan Insurans Hayat Malaysia & Persatuan Takaful Malaysia, t.th.)

Secara umumnya, kesemua reka bentuk produk takaful mikro di bawah inisiatif Perlindungan Tenang adalah bertepatan dengan prinsip serta garis panduan yang diberikan bagi memenuhi keperluan perlindungan kesihatan dan kewangan B40 (Mohd Fikri et al., 2022).

Selain itu, BNM juga meluaskan inisiatif Perlindungan Tenang kepada pemberian baucar RM50 pada tahun 2021, dan kemudiannya dinaikkan kepada RM75 dalam Bajet 2022 bagi penerima bantuan kerajaan yang layak (Bernama, 2021a). Inisiatif tersebut dikenali sebagai Baucar Perlindungan Tenang atau PTV. Daripada senarai produk yang dinyatakan dalam jadual 2.7, terdapat dua produk tambahan takaful mikro yang dikhaskan untuk penerima PTV iaitu i-Tenang AIA Public Takaful dan Pelan Emas daripada produk POS Tenang Takaful Etiqa (Persatuan Insurans Hayat Malaysia & Persatuan Takaful Malaysia, t.th.).

Para penerima PTV boleh memiliki salah satu produk takaful mikro yang ditawarkan menerusi inisiatif ini dengan menebus baucar RM75 yang diberikan kepada mereka secara dalam talian. Jika penerima ingin memilih perlindungan yang bernilai lebih daripada RM75, mereka perlulah membayar nilai lebih tersebut menggunakan pendapatan mereka sendiri (Persatuan Insurans Hayat Malaysia & Persatuan Takaful Malaysia, 2022). Operasi PTV turut dilihat sebagai sumbangan daripada pihak kerajaan seperti *mySalam*, namun mempunyai sedikit perbezaan iaitu ia membuka ruang kepada para penerima untuk memilih perlindungan yang menepati keperluan dan kemampuan kewangan masing-masing.

Kebanyakan produk takaful mikro menerusi inisiatif Perlindungan Tenang menerapkan model wakalah atau wakalah diubahsuai dengan menerima bahagian daripada lebih proses pengunderaitan berdasarkan kontrak *ju'alat* (Persatuan Insurans Hayat Malaysia & Persatuan Takaful Malaysia, t.th.). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengendali takaful tetap mengambil sedikit yuran daripada bayaran sumbangan produk-produk tersebut bagi menampung kos pengurusan serta bahagian keuntungan mereka. Walaupun begitu, margin keuntungan yang dihasilkan

menerusi produk-produk Perlindungan Tenang adalah rendah, walhasil mengurangkan fokus pihak syarikat untuk menawarkannya dengan meluas (Kamal et al., 2022).

Seterusnya, seperti yang dinyatakan di atas, terdapat persamaan antara bantuan PTV dan *mySalam*; iaitu ia diberikan sebagai bantuan kewangan kepada golongan B40 bagi mendapatkan skim perlindungan takaful. Perbezaan lain yang terdapat antara kedua-duanya adalah dari sudut sumber dana yang diberikan sebagai sumbangan takaful peserta. Operasi *mySalam* meletakkan pihak pengendali sebagai penyumbang yang menubuhkan tabung risiko peserta, manakala sumbangan PTV diberikan oleh pihak kerajaan kepada penerima dalam bentuk baucar bagi menebus produk takaful mikro.

2.8.3 PruBSN Microtakaful Jariyah

PruBSN Microtakaful Jariyah (MTJ) yang diperkenalkan pada tahun 2018 di bawah inisiatif PruBSN Prihatin telah disifatkan sebagai “yang pertama seumpamanya di Malaysia” dalam menyediakan akses takaful kepada golongan masyarakat miskin dan miskin tegar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak (Alex Cheong, 2020; PruBSN, t.th.-b). Dokumen sedia ada melaporkan bahawa MTJ mempunyai lebih daripada 80,000 penerima serta telah menyalurkan tuntutan sejumlah 920,000 sehingga September 2020 (Alex Cheong, 2020; PruBSN, t.th.-b). Maklumat lanjut berkenaan produk dapat dinyatakan seperti berikut:

Jadual 2.8: Butiran Produk PruBSN Microtakaful Jariyah (MTJ)

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Pengendali produk	• Prudential BSN Takaful Berhad
2.	Nilai sijil	• RM80.00 setahun ¹³
3.	Sumber dana	• Dana zakat PruBSN Prihatin

¹³ Jumlah ini tidak dinyatakan secara jelas dalam penerangan produk, namun ia mampu dianggarkan melalui agihan sumbangan Ihsan rider kepada jumlah penerima pada setiap tahun seperti yang dilaporkan dalam PruBSN (2022).

		<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan rider para peserta takaful PruBSN Aspirasi, PruBSN WarisanPlus, PruBSN AnugerahPlus melalui produk Ihsan rider • Penolakan gaji para pekerja PruBSN melalui inisiatif Giving @ Workplace
4.	Latar belakang penerima	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan berpendapatan di bawah garis kemiskinan B40 • Mestilah didaftarkan menerusi sistem eKasih di bawah kategori keluarga miskin tegar atau miskin • Ketua isi rumah (KIR) • Berumur antara 19 hingga 50 tahun • Mempunyai tanggungan
5.	Manfaat takaful	<ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan takaful percuma bertempoh 1 tahun • Manfaat kematian sebanyak RM10,000 atas semua sebab kematian kecuali bunuh diri
6.	Saluran serahan produk	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi senarai penerima melalui data eKasih hasil kerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (<i>Implementation Coordination Unit</i>), Jabatan Perdana Menteri Malaysia (ICU JPM) • Notis kelayakan penerimaan bantuan akan dimaklumkan kepada para penerima melalui saluran Sistem Pesanan Ringkas (SMS) • Surat tawaran berserta kad akan dihantar kepada penerima melalui perkhidmatan pos untuk dilengkapkan dan dihantar semula kepada pihak PruBSN

Sumber: (Alex Cheong, 2020; PruBSN, t.th.-a, t.th.-c, t.th.-b)

Dana sumbangan takaful yang diterima akan dikumpulkan ke dalam tabung PruBSN Prihatin. Ia akan digunakan bagi tujuan pembayaran tuntutan. Operasi MTJ turut menggunakan konsep *tabarru'* berupa sumbangan kebajikan seperti dua produk takaful mikro sebelum ini walaupun mempunyai sedikit perbezaan terhadap model pembiayaannya.

2.8.4 Takaful Amani, Amani Plus dan Hayati

Takaful Amani, Amani Plus dan Hayati merupakan pelan takaful mikro yang ditawarkan oleh Bank Rakyat dan dikendalikan oleh pelbagai syarikat takaful yang berdaftar. Ciri-ciri “mikro” dalam penawaran produk-produk takaful ini boleh dilihat pada pelan perlindungan asas yang ditawarkan serta kadar caruman yang mampu milik,

sesuai dengan kemampuan masyarakat B40. Jadual di bawah menyenaraikan nilai sumbangan dan manfaat takaful setiap produk yang ditawarkan:

Jadual 2.9: Nilai Sumbangan dan Manfaat Takaful Amani, Amani Plus dan Hayati

Jenis Produk Takaful	Nilai Sumbangan Tahunan	Manfaat Perlindungan ¹⁴
Takaful Amani	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan A: RM159 • Pelan B: RM106 • Pelan C: RM53 	<ul style="list-style-type: none"> • Kematian & hilang keupayaan kekal • Badal haji • Elaun hospital (minimum 2 hari, maksimum 30 hari) • Perbelanjaan rawatan (had setahun) • Fi ambulans (had setahun) • Perbelanjaan pengebumian
Takaful Amani Plus	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan A: RM101 • Pelan B: RM69 • Pelan C: RM37 	<ul style="list-style-type: none"> • Hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat semula jadi • Penyakit kritikal • Perbelanjaan segera bagi kematian akibat semula jadi • Badal haji (bagi kematian akibat semula jadi)
Takaful Hayati	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan Indah: RM50 • Pelan Mewah: RM100 • Pelan Perdana: RM150 	<ul style="list-style-type: none"> • Kematian semula jadi • Hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat semula jadi • Kematian akibat Kemalangan • Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Kemalangan • Khairat Kematian

Sumber: (Bank Rakyat, 2018; Bank Rakyat & Takaful Ikhlas Family Berhad, 2019; Bank Rakyat & Takaful Ikhlas General Berhad, 2020; ETIQA Takaful, 2018)

Seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas, ketiga-tiga produk yang ditawarkan mempunyai nilai sumbangan takaful yang perlu dibayar oleh para peserta. Perkara tersebut menjadikan reka bentuk produk-produk ini berbeza dengan kaedah penawaran *mySalam*, PTV dan MTJ, selain mengadaptasi operasi takaful secara penuh. Helaian pendedahan setiap produk juga menyatakan seluruh kontrak syariah yang digunakan

¹⁴ Kadar manfaat perlindungan adalah berbeza antara setiap pelan yang ditawarkan. Senarai penuh manfaat perlindungan boleh didapati menerusi helaian keterangan setiap produk.

seperti wakalah, *tabarru'* dan *ju'alat* (Bank Rakyat & Takaful Ikhlas Family Berhad, 2019; Bank Rakyat & Takaful Ikhlas General Berhad, 2020; ETIQA Takaful, 2018).

Model yang diketengahkan dalam penawaran produk-produk ini turut membenarkan pengendali takaful mendapatkan bahagian daripada lebih dana yang diperolehi. Ia dinyatakan secara jelas dalam helaian pendedahan produk melalui dua pendekatan. Pertama, pengendali takaful akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (*Surplus Administration Charge, SAC*) dengan nilai peratusan yang telah dinyatakan dalam perjanjian (Bank Rakyat & Takaful Ikhlas Family Berhad, 2019; Bank Rakyat & Takaful Ikhlas General Berhad, 2020). Kaedah ini menggambarkan pelaksanaan wakalah dalam pengurusan lebihan dana. Kedua, pengendali takaful menetapkan peratusan yuran prestasi (*performance fee*) daripada lebihan dana menurut kontrak *ju'alat* (ETIQA Takaful, 2018). Ia diberikan sebagai ganjaran kepada pihak pengendali takaful kerana telah menyempurnakan perkhidmatan mereka.

2.8.5 ProtectActive – Basic dan FamilyProtect

ProtectActive – Basic dan FamilyProtect merupakan dua produk takaful mikro yang ditawarkan menerusi aplikasi Boost bermula pada tahun 2020, serentak dengan penawaran produk-produk insurans mikro am dan insurans mikro hayat yang lain (Amri, 2021; Boost, t.th.)¹⁵. Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap rangkuman kewangan di Malaysia dan seluruh rantau Asia Tenggara menerusi kuasa teknologi dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*) (Malik, 2022). Kedua-dua produk takaful

¹⁵ Aplikasi Boost merupakan adalah aplikasi dompet mudah alih (*e-dompnet/e-wallet*) yang dibangunkan oleh Axiata Digital Capital Sdn. Bhd. atau Aspirasi dengan objektif untuk mempermudah transaksi kewangan secara digital (tanpa menggunakan tunai fizikal) (Ridzuan, t.th.). Pengguna boleh memuat turun aplikasi tersebut dan melakukan transaksi kewangan melalui telefon pintar.

hayat ini dikendalikan oleh GETB. Jadual di bawah menerangkan ciri-ciri produk takaful mikro ProtectActive – Basic dan FamilyProtect:

Jadual 2.10: Ciri-ciri produk ProtectActive dan FamilyProtect

Bil.	Ciri-ciri Produk	ProtectActive – Basic	FamilyProtect
1.	Tempoh perlindungan	<ul style="list-style-type: none"> • Setahun 	
2.	Nilai sumbangan takaful tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan 1: RM75 • Pelan 2: RM150 • Pelan 3: RM225 • Pelan 4: RM300 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan 1: RM95 • Pelan 2: RM190
3.	Manfaat perlindungan ¹⁶	<ul style="list-style-type: none"> • Penyakit kritikal • Kematian disebabkan kemalangan • Hilang upaya menyeluruh dan kekal • Kos rawatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal • Kos rawatan bagi orang yang dilindungi (anak kandung)
4.	Kelayakan peserta	<ul style="list-style-type: none"> • Berumur 18-55 tahun pada tarikh lahir berikutnya 	

Sumber: (Great Eastern Takaful Berhad [GETB], 2020, 2021)

Antara ciri-ciri yang menarik dalam penawaran produk ProtectActive – Basic dan FamilyProtect ialah kedua-duanya boleh disertai dengan hanya menggunakan telefon pintar menerusi aplikasi Boost. Pendekatan tersebut amat sesuai diaplikasikan bagi memudahkan capaian produk kepada golongan sasaran dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman (BNM, 2016; Liung & Baharin, 2018).

Selain itu, proses pengunderaitan yang dilakukan terhadap peserta untuk menyertai skim ini juga dilakukan dengan sangat ringkas dan mudah. Calon-calon peserta hanya perlu menjawab tiga soalan ringkas dan melakukan pembayaran bagi mendapatkan produk-produk takaful mikro ini. Ia dapat menggantikan khidmat ejen takaful yang dilantik oleh pihak syarikat bagi menyempurnakan proses tersebut sepertimana yang dilakukan dalam penawaran takaful. Strategi-strategi tersebut dilihat

¹⁶ Kadar manfaat perlindungan adalah berbeza antara setiap pelan yang ditawarkan. Senarai penuh manfaat perlindungan boleh didapati menerusi helaian keterangan setiap produk.

mampu mengurangkan kos saluran capaian produk, menjimatkan tenaga kerja serta menjangkau golongan sasaran yang lebih meluas dalam kalangan masyarakat B40.

2.8.6 RAHMAH PA Takaful

Pakej RAHMAH Insurans dan RAHMAH Takaful telah dilancarkan oleh bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup iaitu Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 22 Jun 2023. Ia merupakan sebuah inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH bagi menawarkan perlindungan takaful, khususnya kepada pekerja dalam sektor e-panggilan (*e-hailing*) dan p-panggilan (*p-hailing*) pada harga yang berpatutan. Pakej RAHMAH Insurans telah ditawarkan oleh Allianz General Insurance (Malaysia) Berhad dan Etiqa General Insurance Berhad, manakala Pakej RAHMAH Takaful ditawarkan oleh Etiqa General Takaful Berhad.

Melalui pakej ini, Takaful Etiqa memperkenalkan sebuah produk yang dinamakan sebagai RAHMAH PA Takaful. Peserta takaful boleh memilih salah satu daripada dua pelan perlindungan takaful yang ditawarkan dengan harga RM60 setahun bagi Pelan 1 dan RM36 setahun bagi Pelan 2.

Kajian ini melihat bahawa produk RAHMAH PA Takaful telah memenuhi ciri-ciri takaful mikro yang dicadangkan oleh BNM berdasarkan nilai sumbangan takaful yang rendah, jenis perlindungan dan manfaat takaful yang bersesuaian dengan golongan sasaran serta penerangan produk yang jelas dan mudah difahami. Jadual di bawah dapat merumuskan perincian terhadap jenis dan nilai perlindungan produk seperti berikut:

Jadual 2.11: Perincian Perlindungan bagi Produk RAHMAH PA Takaful

Bil.	Jenis Perlindungan	Nilai Perlindungan (RM)	
		Pelan 1	Pelan 2
1.	Kematian Akibat Kemalangan	80,000	40,000
2.	Cacat Kekal Akibat Kemalangan <ul style="list-style-type: none"> • Hilang upaya menyeluruh dan kekal 	80,000	40,000

	<ul style="list-style-type: none"> • Kehilangan tangan – sebelah atau kedua-dua belah • Kehilangan kaki – sebelah atau kedua-dua belah • Kehilangan penglihatan menyeluruh 		
3.	Elaun Pengebumian		1,000

Sumber: (Etiqa General Takaful Berhad, t.th.)

2.9 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan kepentingan takaful mikro bagi memenuhi keperluan perlindungan kesihatan dan kewangan masyarakat berpendapatan rendah. Ia juga disifatkan sebagai sebuah strategi yang efektif bagi merealisasikan gagasan rangkuman kewangan negara dan membasmi kemiskinan akibat daripada sebarang insiden yang tidak diduga. Sebagai sebuah instrumen kewangan Islam yang semakin berkembang, tujuan, reka bentuk dan keseluruhan operasi takaful mikro adalah berasaskan syariah, namun masih terdapat ruang perbincangan yang luas berkaitan model penawarannya di industri pada hari ini.

Selain itu, pelaksanaan takaful mikro di Malaysia adalah terikat dengan undang-undang takaful semasa, selain dikawal selia oleh institusi kewangan, pengauditan dan persatuan takaful di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini bagi memastikan keseluruhan pelaksanaan takaful mikro adalah bertepatan dengan peraturan kewangan yang dan piawaian syariah yang standard. Realiti semasa turut menunjukkan bahawa takaful mikro semakin mendapat tempat dalam kalangan pengendali-pengendali takaful dengan penghasilan pelbagai model takaful mikro yang inovatif dan bersesuaian dengan keperluan golongan sasaran.